

Kenang pengorbanan
pejuang tanah air

2

Dua inovasi
KDEBWM diiktiraf

5

Khidmat van DRT
diteruskan

4

10,000 meriahkan
PKNS Pilih Karnival

8

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 1 - 7 OGOS 2024

www.selangorkini.my

Pelaburan naik hampir 70 peratus

Selangor raih RM12.4 bilion bagi suku pertama tahun ini, meningkat 66.8 peratus banding tempoh sama pada 2023. Kejayaan tersebut wujudkan 8,377 peluang kerja hasil kelulusan 363 projek

MUKA 2

SELHAC sasar RM61 juta padanan niaga

Persidangan bertaraf antarabangsa edisi tiga pada pertengahan Oktober dijangka perkukuh rantaian industri sedia ada, selain buka peluang kepada usahawan tempatan terokai pasaran halal

MUKA 6



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz meneliti model pembangunan kawasan perniagaan Elmina dalam Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 25 Julai 2024.

Foto AHMAD ZAKKI JILAN ►BERITA MUKA 2, 4, 5, 6, 12 & 13

pancawarna



Tokoh Hamas dibunu di Tehran

Ismail Haniyeh pernah terselamat daripada serangan rejim Israel pada September 2003

15



Pukul 2,000 bulu tangkis sehari

Farid Kamil amal diet khas supaya tubuh seperti legenda Rashid Sidek



Berhenti kerja jaga anak autisme

Ibu bapa hadapi kekangan wang, tekanan dan tanggapan negatif jiran tetangga

10

Kekal momentum pelaburan tinggi

KUALA LUMPUR - Selangor mahu meneruskan momentum kecemerlangan sebagai negeri penyumbang terbesar pelaburan negara, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau percaya hasrat tersebut mampu dicapai berdasarkan nilai pelaburan RM12 bilion yang dicatat setakat suku pertama tahun ini selain diperkuuh pelan pembangunan negeri.

"Kita nombor tiga dengan RM12 bilion pelaburan. Tahun lepas, kita nombor dua iaitu RM55 bilion secara keseluruhan. Jadi, kita sentiasa sasar untukkekalkan nilai pelaburan yang besar."

"Pertumbuhan di landasan tepat. Ini mencipta peluang ekonomi dan hasilnya dinikmati rakyat," katanya dan menambah Selangor banyak kelebihan dari segi pendigitalan dalam merancakkan sektor pelaburan.

Beliau berucap demikian ketika merasmikan Persidangan Perniagaan Asean Selangor sempena Sidang Kemuncak Perniagaan Selangor 2024 pada 25 Julai.

Penuhi permintaan tinggi pasaran

PETALING JAYA - Industri semikonduktor di Selangor akan diperkuuh dengan pembangunan taman reka bentuk litar bersepada (IC) kedua, kata EXCO pelaburan.

Ng Sze Han berkata perancangan awal itu dibuat susulan permintaan tinggi pemain industri dan perbincangan dengan pelbagai pihak sedang dilaksanakan termasuk mengetahui pasti lokasi sesuai.

"Meskipun taman reka bentuk IC pertama di Puchong akan dirasmikan Ogos ini tetapi kita sudah ada permintaan untuk membangunkan taman reka bentuk IC kedua. Ini menunjukkan Selangor berada di landasan terbaik untuk menjadi pemain utama sektor semikonduktor."

"Pemerkasaan dan penumpuan terhadap sektor semikonduktor yang dilaksana negeri ini ketika ini bakal membantu pelaburan ke pasaran global," katanya pada 30 Julai.

IMBAS DI SINI akbar digital minggu lepas

The image shows the front page of the Selangor kini newspaper. It features several headlines in both English and Bahasa Melayu. One prominent headline reads "Selangor Bangunkan 50,000 usahawan digital". There are also smaller articles and a QR code at the bottom left.

Titah kenang pahlawan tanah air

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bertitah masyarakat harus menghayati pengorbanan pejuang tanah air terdahulu dalam mempertahankan kedaulatan dan keamanan negara.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah penghayatan itu penting bagi mengelak penjajahan dan pencerobohan berulang berikutan perubahan semasa dan pelbagai ancaman baharu.

Baginda mengingatkan rakyat supaya tidak membenar musuh merosakkan negara dan mensia-siakan pengorbanan pahlawan terdahulu serta mempertahankan Malaysia sebagai negara berdaulat, lapor Bernama.

"Khidmat bakti dan pengorbanan mereka seharusnya dijadikan inspirasi dan semangat bagi generasi hari ini dan akan datang untuk memahami apa yang telah diperjuangkan."

"Sesungguhnya jerih perih pejuang tanah air suatu ketika dahulu telah membentuk keamanan Malaysia hingga hari ini," titah Baginda sempena sambutan Hari Pahlawan pada 31 Julai.

Sultan Sharafuddin mahu nikmat keamanan yang dikehendaki hasil perjuangan

pejuang terdahulu dikekal dan semua pemimpin berusaha memastikan rakyat tidak berpecah-belah.

Baginda juga menzahirkan kekewaan terhadap segelintir pihak yang lupa dan tidak peduli terhadap nikmat keamanan hasil perjuangan perajurit yang bergadai nyawa demi negara.

Titah baginda, provokasi, budaya memfitnah, membenci dan menghasut perlu dijauhi sebaliknya semua berperanan menyemai semangat hormat-menghormati, toleransi dan saling bekerjasama.

Naik 66.8 peratus bagi suku tahun pertama

Raih pelaburan RM12.4 billion

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

KUALA LUMPUR - Selangor terus kekal negeri pilihan pelabur berikutnya RM12.4 bilion diraih dalam suku pertama tahun ini berdasarkan laporan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida).

Menurut Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, pelaburan yang menyediakan 8,377 peluang kerja hasil kelulusan 363 projek naik 66.8 peratus berbanding suku pertama 2023 iaitu RM7.44 bilion.

"Ini menunjukkan negeri konsisten menarik pelaburan khususnya sektor perkhidmatan dan pembuatan. Pelaburan juga mencipta peluang kerja dan perniagaan kepada usahawan," katanya.

Beliau berucap dalam sidang Ekspos Taman Perindustrian Selangor sempena Sidang Kemuncak Perniagaan Selangor di sini pada 25 Julai.

Bertekad untuk menarik lebih banyak pelaburan, Amirudin memberitahu pentadbiran negeri akan membantu pelabur baharu untuk meneroka peluang perniagaan di Selangor.

"Inisiatif 'Soft Landing Programme' antara skim insentif yang membantu pelabur memilih lokasi sesuai untuk melaksanakan projek pelaburan mereka di Selangor," katanya.

Laporan Mida pada Mac menunjukkan pelaburan yang diraih Selangor sepanjang tahun lalu bernilai RM55.3 bilion, melebihi sasaran iaitu RM45 bilion.

Awal bulan ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menyatakan Selangor menyumbang 25.9 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar pada 2023, meningkat berbanding 25.5 peratus tahun sebelumnya.

2,000 individu terima dokumen sah

SHAH ALAM - Lebih 2,000 individu menerima dokumen pengenalan diri dalam program Pusat Dokumen Pengenalan Diri MySel (MySel) yang diperkenal Kerajaan Negeri sejak 2008.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata dokumen sah termasuk surat beranak dan kad pengenalan membantu individu mendapat hak warganegara selain pelbagai manfaat lain.

"Sejak diperkenal, lebih 6,000 permohonan diterima dan ham-

pir separuh daripadanya, kira-kira 48 peratus pemohon Bumiputera. Selebihnya pelbagai kaum seperti Cina, India, Sabah, Sarawak.

"Pemohonan yang lulus ini melibatkan semua peringkat umur dari kanak-kanak hingga orang dewasa," katanya selepas menyerahkan dokumen tersebut kepada 30 individu pada 29 Julai.

Amirudin memberitahu inisiatif tersebut merupakan pendekatan pentadbiran negeri bagi memudah-

kan rakyat memperoleh dokumen sah sekali gus mampu menjalani kehidupan sejahtera.

"Kita wujudkan skim ini bukan mahu ambil tugas Jabatan Pendataran Negara (JPN) tetapi hendak bantu per mudahkan proses dokumentasi kerana akhirnya JPN yang luluskan."

"Semua pemohon ini terlepas banyak peluang dan manfaat ditawar kerajaan antaranya bantuan perniagaan. Jadi dengan dokumen sah, hak mereka dapat dikembalikan," katanya.

Peluang luas rangkaian perniagaan

KUALA LUMPUR - Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) menyediakan ruang jaringan dan profil perniagaan kepada pelbagai syarikat khususnya kalangan bumiputera.

Pengurus Besar Neom Logistics Sdn Bhd Izzani Ashraff memberitahu program tersebut memberi banyak ruang berkongsi idea dan maklumat seterusnya meluaskan lagi bidang perniagaan.

"Syarikat kami yang baru bertapak dalam lima tahun membekal tenaga kerja dan perkhidmatan logistik berpeluang mencipta hubungan dengan syarikat lain yang lebih maju," katanya.

Pengurus Besar Jualan & Pemasaran Seri Pajam Development Mohammad Syafareez Zainudin turut berpendapat SIBS mencipta peluang untuk mengukuhkan rangkaian bersama syarikat

antarabangsa.

"Syarikat kami yang terlibat dalam pembinaan harta tanah serta SIBS buat kali kedua kerana sesi rangkaian (networking) penting untuk mengembangkan perniagaan."

"Tahun ini, kami selaku pempamer didedah kepada segmen rangkaian jaringan lebih besar membabitkan pelabur dan syarikat luar negara," katanya.



INFRASEL TAMBAH BAIK PERKHIDMATAN

Perkuatkan strategi syarikat, laksana sistem pemantauan lebih efisien

SHAH ALAM – Warga kerja Infrasel Sdn Bhd (INFRASEL) digesa untuk tingkatkan pemantauan secara berterusan dengan memastikan jalan raya di Selangor sentiasa dalam keadaan terbaik melalui sistem yang lebih efisien dalam pelaporan kerja termasuk maklum balas aduan awam.

Perkara itu ditegaskan oleh Pengurus INFRASEL, Ir. Izham Hashim pada program Retreat 2024 yang melibatkan ahli lembaga pengarah syarikat, pengurusan dan warga kerja INFRASEL di Geo Resort & Hotel, Genting Highland pada 19 Julai lalu.

Program tiga hari itu bertujuan untuk membentangkan prestasi syarikat bagi penggal pertama tahun 2024 serta membincangkan hala tuju dan penambahbaikan syarikat dalam tempoh lima tahun.

Retreat 2024 turut membincangkan pembentangan daripada pengurusan INFRASEL berkenaan hasil kajian berhubung kadar kerosakan dan jangka hayat ketahanan jalan-jalan negeri di Selangor serta cerun-cerun berisiko tinggi yang telah dikenal pasti.

Ia bertujuan membantu Kerajaan Negeri Selangor merangka perancangan bagi penaiktarafan jalan-jalan sedia ada dan pemberian cerun pada masa akan datang.

Rentetan itu, INFRASEL telah mengenal pasti jalan-jalan di sembilan buah daerah di negeri Selangor melibatkan 526 KM panjang jalan untuk dinaiktaraf melalui kajian yang telah dijalankan.

Menurut Izham, pengajuran retreat bertujuan untuk mewujudkan semangat kerja yang dinamik dalam kalangan warga kerja INFRASEL, selain mendapatkan pandangan dan idea dalam meningkatkan lagi perkhidmatan.


Program itu juga menandakan komitmen syarikat dalam memperkuatkan strategi pengurusan dan keselamatan jalan raya di Selangor selain memperkuatkan hubungan di kalangan warga kerja syarikat.

“Warga kerja perlu meneruskan budaya kerja berpasukan dan sinergi dalam kalangan warga kerja agar matlamat dan sasaran akan lebih mudah dicapai pada masa akan datang.

“Semua kakitangan perlu sentiasa membudayakan semangat kerja yang dinamik serta berintegriti dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan untuk memberikan nilai perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna,” katanya.

Dalam sesi itu, beliau yang juga Exco Infrastruktur dan Pertanian Negeri Selangor memuji keberkesanan sistem Road Network Defect Application (RONDA) yang digunakan INFRASEL bagi tujuan pemantauan jalan raya dan aduan pengguna awam yang selari dengan peredaran masa kini.

Retreat 2024 turut dihadiri Ahli Lembaga Pengarah INFRASEL, Dato' Johary Anuar Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) merangkap Pengarah UPEN, Dato' Zul-Kefli @ Zulkefli Khalid dan Ir. Haji Lokman Nasir.



SABDA buka potensi ekonomi

KUALA LUMPUR - Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA) dianggap penggerak utama yang boleh membuka potensi ekonomi sebenar di utara Selangor, kata EXCO kerajaan tempatan.

Bagaimanapun, Dato' Ng Suee Lim berkata kawasan itu berdepan pelbagai cabaran ekonomi yang memerlukan pembangunan meluas di sebalik kekayaan sumber semula jadi yang dimiliki.

"Sebagai contoh, kebanyakannya penangkapan ikan di Selangor berlaku di kawasan Sabak Bernam tetapi jeti berada dalam kapasiti penuh.

"Lebih banyak kapal bermakna kita memerlukan lebih banyak ruang berlabuh untuk menampung permintaan yang meningkat bagi produk laut," katanya pada 25 Julai.

Merasmikan Ekspo Taman Perindustrian Selangor, Suee Lim berkata SABDA yang terkandung dalam Rancangan Selangor Pertama menjadi penanda aras kepada negeri lain dalam pertanian dan akuakultur.

Selangor antara pengekspor utama

SHAH ALAM - Pulau Pinang, Johor, Selangor, Sarawak dan Kuala Lumpur menyumbang 82.9 peratus nilai eksport negara setakat Jun tahun ini, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia.

Mencatat nilai dagangan RM237.8 bilion pada Jun, Malaysia mengekspor RM126.0 bilion manakala import RM111.8 bilion, kata Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Beliau memberitahu Pulau Pinang kekal pengekspor utama iaitu 34.2 peratus, Johor (20.6 peratus), Selangor (17.3 peratus), Sarawak (6.5 peratus) dan Kuala Lumpur (4.2 peratus).

"Prestasi eksport mencatat RM126.0 bilion pada Jun 2024, meningkat RM2.1 bilion atau 1.7 peratus daripada bulan sama tahun sebelumnya," katanya seperti dilapor Bernama pada 26 Julai.

Dr Mohd Uzir menjelaskan peningkatan itu dipengaruhi pertambahan eksport kebanyakannya negeri iaitu Pulau Pinang (RM2.0 bilion) diikuti Terengganu (RM1.3 bilion) dan Perak (RM767.0 juta).

Menurut beliau lagi, nilai import pada Jun 2024 meningkat RM16.9 bilion atau 17.8 peratus kepada RM111.8 bilion berbanding bulan sama pada 2023.

Galak khidmat van transit diteruskan

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menggalakkan penyedia van transit atas permintaan (DRT) untuk meneruskan perkhidmatan itu sehingga hujung tahun dengan mengekalkan caj RM2 satu perjalanan.

EXCO Mobiliti Ng Sze Han berkata projek bermula November 2023 yang tamat pada 31 Julai akan diperhalusi dengan kaedah bersesuaian dan berhemah supaya rakyat Selangor dapat terus menikmati kemudahan perkhidmatan van DRT ini," katanya menerusi kenyataan.

"Susulan penamatan projek rintis ini, Kerajaan Negeri menggalakkan penye-

dia perkhidmatan van DRT meneruskan projek ini dan mengekalkan kadar yang sama iaitu RM2 untuk satu perjalanan di zon sedia ada hingga Disember ini.

"Kerajaan Negeri sedang memperhalusi kaedah yang bersesuaian dan berhemah supaya rakyat Selangor dapat terus menikmati kemudahan perkhidmatan van DRT ini," katanya menerusi kenyataan.

Sze Han menjelaskan pelaksanaan projek rintis van DRT sepanjang lapan bulan sejak 22 November tahun lalu menerima maklum balas positif se-

lain turut mendapat permintaan agar diteruskan.

"Kerajaan Negeri menerima permohonan untuk memperluaskan perkhidmatan van DRT ini supaya dapat membantu agenda pemerkasaan pengangkutan awam di Selangor.

"Jawatankuasa Tetap Mobiliti Selangor akan melaksana kajian terperinci terhadap dapatan projek rintis sebelum membentangkan laporan tersebut dan mencadangkan pelaksanaan penuh perkhidmatan van DRT di Selangor kepada pihak berkuasa negeri," katanya.

Bilangan hari sidang dewan tertinggi

Demokrasi di Selangor subur

Oleh SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Selangor mencatat bilangan hari persidangan dewan negeri tertinggi berdasarkan laporan Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu laporan tersebut membuktikan amalan demokrasi di negeri ini terus subur dan mekar.

"Ini bukti amalan demokrasi subur dan mekar di Selangor, menyangkal

dakwaan yang dibuat ketua pembangkang (Dato' Seri Mohamed Azmin Ali) baru-baru ini," katanya pada 26 Julai.

Pada 15 Julai, Speaker Lau Weng San membidas wakil rakyat Hulu Kelang itu yang menuduh beliau memendek hari persidangan dan mendakwa waktu perbahasan wakil rakyat pembangkang dibataskan.

Amirudin menjelaskan laporan sama juga menobatkan Selangor sebagai negeri paling telus dalam berlanjutan dan berada pada kedudukan tertinggi skor keterbukaan awam iaitu 76 markah.

"Mengikut laporan berkenaan, berlanjutan yang dibentang Kerajaan Negeri mudah diakses, terperinci dan diberi ruang perbahasan sebaik-baiknya dalam Dewan Negeri Selangor (DNS).

"Kita akan perbaiki ruang yang ada bagi meneruskan momentum baik ini," katanya.

Terengganu turut merekod skor sama iaitu 76 diikuti Negeri Sembilan (69); Perak (67); Melaka (60); Johor (53); Sarawak (51); Sabah (49); Pulau Pinang (45); Perlis (27); Kelantan (25); Kedah (18) dan Pahang (18).

Prasarana lengkap, pekerja mahir

KUALA LUMPUR - Selangor memiliki asas kukuh dan ramuan ekonomi yang tepat termasuk bilangan prasarana kukuh turut menambah keyakinan pelabur untuk memulakan perniagaan di negeri ini.

Ketua pegawai eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI berkata prasarana kukuh turut menambah keyakinan pelabur untuk memulakan perniagaan di negeri ini.

Menurut Saipolyazan M Yusop, negeri itu juga ada pelan pembangunan lima tahun iaitu Rancangan Selangor Pertama seperti Rancangan Malaysia yang diperkenal kerajaan

persekituan.

"Selangor satu-satunya negeri di Malaysia yang menyumbang lebih RM400 bilion kepada ekonomi negara tahun lalu, menunjukkan asas kukuh untuk pelabur memulakan perniagaan mereka di sini."

"Pelabur boleh menjalankan usaha sama dengan syarikat tempatan dan mengembangkan perniagaan ke seluruh Asia. Kita menganggap Selangor sebagai magnet pelaburan," katanya pada 25 Julai.

Dalam forum sempena Persidangan Perniagaan Asean Selangor,

Saipolyazan berkata negeri itu menetapkan sasaran untuk meluluskan pelaburan antara RM25 ke RM35 bilion setiap tahun.

Katanya, sasaran itu boleh dicapai berikutan lebih RM55.3 bilion pelaburan diluluskan tahun lalu, termasuk mewujudkan lebih 125,000 peluang kerja dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Beliau menegaskan komitmen negeri untuk melatih dan mengekalkan tenaga kerja mahir, dengan sokongan daripada lebih 40 universiti dan institusi di negeri ini.

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
01 Khamis	5:51	6:01	7:11	1:22	4:43	7:30	8:42
02 Jumaat	5:51	6:01	7:11	1:22	4:43	7:29	8:42
03 Sabtu	5:51	6:01	7:11	1:22	4:43	7:29	8:42
04 Ahad	5:51	6:01	7:11	1:22	4:42	7:29	8:42
05 Isnin	5:51	6:01	7:11	1:22	4:42	7:29	8:41
06 Selasa	5:51	6:01	7:11	1:22	4:41	7:29	8:41
07 Rabu	5:51	6:01	7:11	1:22	4:41	7:29	8:41

Klang dan Kuala Langat

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
5:52	6:02	7:12	1:23	4:44	7:30	8:42
5:52	6:02	7:12	1:23	4:44	7:29	8:42
5:52	6:02	7:12	1:23	4:43	7:29	8:42
5:52	6:02	7:12	1:23	4:43	7:29	8:42
5:52	6:02	7:12	1:22	4:42	7:29	8:41
5:52	6:02	7:12	1:22	4:42	7:29	8:41
5:52	6:02	7:12	1:22	4:42	7:29	8:41

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
5:52	6:02	7:12	1:25	4:46	7:32	8:45
5:52	6:02	7:12	1:25	4:45	7:32	8:45
5:53	6:03	7:12	1:25	4:45	7:32	8:44
5:53	6:03	7:12	1:24	4:44	7:32	8:44
5:53	6:03	7:12	1:24	4:44	7:31	8:44
5:53	6:03	7:12	1:24	4:43	7:31	8:43
5:53	6:03	7:12	1:24	4:43	7:31	8:43



RAHMAT... Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan berangkat ke Majlis bacaan Yasin, doa selamat dan solat Jumaat sempena sambutan Hari Pahlawan peringkat negeri di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 26 Julai. Foto ZULFADHLI ZAKI

Tekad terus beri khidmat terbaik

Inovasi KDEBWM diiktiraf

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

SUBANG JAYA - Dua inovasi yang dibangunkan KDEB Waste Management (KDEBWM) menerima pengiktirafan dalam Anugerah PC.Com 2024, kata Pengarah Urusannya Dato' Ramli Mohd Tahir.

Diperkenal pada 2016, iClean Selangor dinobat Aplikasi Perkhidmatan Awam Terbaik dan Pusat Kitar Semula Pandu Lalu Automatik (ATDReC) diiktiraf sebagai Pembekal Perkhidmatan Kitar Semula Inovatif Terbaik.

Beliau percaya penghargaan itu menyemarakkan semangat KDEBWM untuk memberi penyelesaian mesra pengguna dan berkesan untuk pengurusan sisa dan kitar semula di Selangor.

"Tidak ada hadnya bagi kami di KDEBWM dalam memastikan segala usaha penambahbaikan agar perkhidmatan kepada pengguna lebih cekap.

"Kita cuba sebaik mungkin untuk beri perkhidmatan terbaik kepada pengguna sama ada melalui penggunaan kecerdasan buatan atau inovasi lain untuk menambahkan keberke-

sanan," katanya.

iClean Selangor aplikasi yang memudahkan penduduk membuat aduan kutipan sisa pepejal sama ada sampah domestik, pukal atau pembersihan awam.

Tahun lalu, aplikasi berkenaan memenangi anugerah Aplikasi Perkhidmatan Awam Terbaik sempena Anugerah PC.Com edisi ke-23.

ATDReC yang dilancar pada Mac pula pusat kitar semula pandu lalu automatik yang dilengkapi kamera litar tertutup dan beroperasi 24 jam bagi menjadikan kitar semula lebih mudah diakses masyarakat. Sementara itu, KDEB-

WM menandatangani perjanjian kerjasama penyelidikan dengan Fakulti Pendidikan Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi meningkatkan kesedaran warga kerja berhubung Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) baru-baru ini.

Menurut Ramli, pihaknya menyediakan peruntukan RM10,000 kepada Fakulti Pendidikan UUM sebagai geran penyelidikan dan meninjau tahap kesedaran TVET dalam kalangan hampir 700 kakitangannya.



Lonjak pelaburan semikonduktor

KUALA LUMPUR - Selangor dan Pulau Pinang boleh bekerjasama dan saling belajar antara satu sama lain di sebalik lonjakan pelaburan dalam sektor semikonduktor.

Melihat pengalaman luas Pulau Pinang membangunkan industri itu, Dato' Mentor Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata Selangor mempergiat usaha menarik pelaburan berimpak tinggi.

Beliau yang menyifatkan Selangor masih hijau dalam bidang itu berkata persaingan sihat sambil melibatkan kerjasama mendalam memanfaatkan kedua-dua negeri untuk jangka masa panjang.

"Sejak 1980-an, Pulau Pinang menumpukan industri semikonduktor sebagai tonggak utama ekonomi dan kawasan utama untuk pelaburan serta perdagangan.

"Pendekatan Selangor bermula dengan taman reka bentuk litar bersepadu, membolehkan pembangunan secara berperingkat dan integrasi keseluruhan ekosistem.

"Dari melihat Pulau Pinang sebagai pesaing, Selangor boleh menjadikannya peluang untuk saling melengkap, menyumbang kepada kekuatan industri semikonduktor," katanya pada 25 Julai.

**AETAS™
DAMANSARA**

Kemewahan & Eksklusiviti Menanti

Aetas Damansara 98% Dijual

Projek kediaman mewah yang menawarkan keseimbangan ideal antara kehidupan urban yang dinamik dan ketenangan alam semula jadi

Diskaun Bumiputera Tersedia!

+6011 1722 5545

AVALAND
an Avaland company

ONE RESIDENCE SDN. BHD. (225020-U)
Syarikat Subsidiari kepada Avaland Berhad (8861-U)
www.avaland.com.my

*Peruntukan Kepada Bumiputera dan Orang Asing (Penempatan) (Amended) (No. 2) 2023, Ayat 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 64, 65, 66, 67, 68, 69, 70, 71, 72, 73, 74, 75, 76, 77, 78, 79, 80, 81, 82, 83, 84, 85, 86, 87, 88, 89, 90, 91, 92, 93, 94, 95, 96, 97, 98, 99, 100, 101, 102, 103, 104, 105, 106, 107, 108, 109, 110, 111, 112, 113, 114, 115, 116, 117, 118, 119, 120, 121, 122, 123, 124, 125, 126, 127, 128, 129, 130, 131, 132, 133, 134, 135, 136, 137, 138, 139, 140, 141, 142, 143, 144, 145, 146, 147, 148, 149, 150, 151, 152, 153, 154, 155, 156, 157, 158, 159, 160, 161, 162, 163, 164, 165, 166, 167, 168, 169, 170, 171, 172, 173, 174, 175, 176, 177, 178, 179, 180, 181, 182, 183, 184, 185, 186, 187, 188, 189, 190, 191, 192, 193, 194, 195, 196, 197, 198, 199, 200, 201, 202, 203, 204, 205, 206, 207, 208, 209, 210, 211, 212, 213, 214, 215, 216, 217, 218, 219, 220, 221, 222, 223, 224, 225, 226, 227, 228, 229, 230, 231, 232, 233, 234, 235, 236, 237, 238, 239, 240, 241, 242, 243, 244, 245, 246, 247, 248, 249, 250, 251, 252, 253, 254, 255, 256, 257, 258, 259, 260, 261, 262, 263, 264, 265, 266, 267, 268, 269, 270, 271, 272, 273, 274, 275, 276, 277, 278, 279, 280, 281, 282, 283, 284, 285, 286, 287, 288, 289, 290, 291, 292, 293, 294, 295, 296, 297, 298, 299, 300, 301, 302, 303, 304, 305, 306, 307, 308, 309, 310, 311, 312, 313, 314, 315, 316, 317, 318, 319, 320, 321, 322, 323, 324, 325, 326, 327, 328, 329, 330, 331, 332, 333, 334, 335, 336, 337, 338, 339, 340, 341, 342, 343, 344, 345, 346, 347, 348, 349, 350, 351, 352, 353, 354, 355, 356, 357, 358, 359, 360, 361, 362, 363, 364, 365, 366, 367, 368, 369, 370, 371, 372, 373, 374, 375, 376, 377, 378, 379, 380, 381, 382, 383, 384, 385, 386, 387, 388, 389, 390, 391, 392, 393, 394, 395, 396, 397, 398, 399, 400, 401, 402, 403, 404, 405, 406, 407, 408, 409, 410, 411, 412, 413, 414, 415, 416, 417, 418, 419, 420, 421, 422, 423, 424, 425, 426, 427, 428, 429, 430, 431, 432, 433, 434, 435, 436, 437, 438, 439, 440, 441, 442, 443, 444, 445, 446, 447, 448, 449, 450, 451, 452, 453, 454, 455, 456, 457, 458, 459, 460, 461, 462, 463, 464, 465, 466, 467, 468, 469, 470, 471, 472, 473, 474, 475, 476, 477, 478, 479, 480, 481, 482, 483, 484, 485, 486, 487, 488, 489, 490, 491, 492, 493, 494, 495, 496, 497, 498, 499, 500, 501, 502, 503, 504, 505, 506, 507, 508, 509, 510, 511, 512, 513, 514, 515, 516, 517, 518, 519, 520, 521, 522, 523, 524, 525, 526, 527, 528, 529, 530, 531, 532, 533, 534, 535, 536, 537, 538, 539, 540, 541, 542, 543, 544, 545, 546, 547, 548, 549, 550, 551, 552, 553, 554, 555, 556, 557, 558, 559, 560, 561, 562, 563, 564, 565, 566, 567, 568, 569, 570, 571, 572, 573, 574, 575, 576, 577, 578, 579, 580, 581, 582, 583, 584, 585, 586, 587, 588, 589, 589, 590, 591, 592, 593, 594, 595, 596, 597, 598, 599, 600, 601, 602, 603, 604, 605, 606, 607, 608, 609, 610, 611, 612, 613, 614, 615, 616, 617, 618, 619, 620, 621, 622, 623, 624, 625, 626, 627, 628, 629, 630, 631, 632, 633, 634, 635, 636, 637, 638, 639, 640, 641, 642, 643, 644, 645, 646, 647, 648, 649, 650, 651, 652, 653, 654, 655, 656, 657, 658, 659, 660, 661, 662, 663, 664, 665, 666, 667, 668, 669, 669, 670, 671, 672, 673, 674, 675, 676, 677, 678, 679, 679, 680, 681, 682, 683, 684, 685, 686, 687, 688, 689, 689, 690, 691, 692, 693, 694, 695, 696, 697, 698, 699, 699, 700, 701, 702, 703, 704, 705, 706, 707, 708, 709, 709, 710, 711, 712, 713, 714, 715, 716, 717, 718, 719, 719, 720, 721, 722, 723, 724, 725, 726, 727, 728, 729, 729, 730, 731, 732, 733, 734, 735, 736, 737, 738, 739, 739, 740, 741, 742, 743, 744, 745, 746, 747, 748, 749, 749, 750, 751, 752, 753, 754, 755, 756, 757, 758, 759, 759, 760, 761, 762, 763, 764, 765, 766, 767, 768, 769, 769, 770, 771, 772, 773, 774, 775, 776, 777, 778, 779, 779, 780, 781, 782, 783, 784, 785, 786, 787, 788, 789, 789, 790, 791, 792, 793, 794, 795, 796, 797, 798, 799, 799, 800, 801, 802, 803, 804, 805, 806, 807, 808, 809, 809, 810, 811, 812, 813, 814, 815, 816, 817, 818, 819, 819, 820, 821, 822, 823, 824, 825, 826, 827, 828, 829, 829, 830, 831, 832, 833, 834, 835, 836, 837, 838, 839, 839, 840, 841, 842, 843, 844, 845, 846, 847, 848, 849, 849, 850, 851, 852, 853, 854, 855, 856, 857, 858, 859, 859, 860, 861, 862, 863, 864, 865, 866, 867, 868, 869, 869, 870, 871, 872, 873, 874, 875, 876, 877, 878, 879, 879, 880, 881, 882, 883, 884, 885, 886, 887, 888, 889, 889, 890, 891, 892, 893, 894, 895, 896, 897, 898, 899, 899, 900, 901, 902, 903, 904, 905, 906, 907, 908, 909, 909, 910, 911, 912, 913, 914, 915, 916, 917, 918, 919, 919, 920, 921, 922, 923, 924, 925, 926, 927, 928, 929, 929, 930, 931, 932, 933, 934, 935, 936, 937, 938, 939, 939, 940, 941, 942, 943, 944, 945, 946, 947, 948, 949, 949, 950, 951, 952, 953, 954, 955, 956, 957, 958, 959, 959, 960, 961, 962, 963, 964, 965, 966, 967, 968, 969, 969, 970, 971, 972, 973, 974, 975, 976, 977, 978, 979, 979, 980, 981, 982, 983, 984, 985, 986, 987, 988, 989, 989, 990, 991, 992, 993, 994, 995, 996, 997, 998, 999, 999, 1000, 1001, 1002, 1003, 1004, 1005, 1006, 1007, 1008, 1009, 1009, 1010, 1011, 1012, 1013, 1014, 1015, 1016, 1017, 1018, 1019, 1019, 1020, 1021, 1022, 1023, 1024, 1025, 1026, 1027, 1028, 1029, 1029, 1030, 1031, 1032, 1033, 1034, 1035, 1036, 1037, 1038, 1039, 1039, 1040, 1041, 1042, 1043, 1044, 1045, 1046, 1047, 1048, 1049, 1049, 1050, 1051, 1052, 1053, 1054, 1055, 1056, 1057, 1058, 1059, 1059, 1060, 1061, 1062, 1063, 1064, 1065, 1066, 1067, 1068, 1069, 1069, 1070, 1071, 1072, 1073, 1074, 1075, 1076, 1077, 1078, 1079, 1079, 1080, 1081, 1082, 1083, 1084, 1085, 1086, 1087, 1088, 1089, 1089, 1090, 1091, 1092, 1093, 1094, 1095, 1095, 1096, 1097, 1098, 1099, 1099, 1100, 1101, 1102, 1103, 1104, 1105, 1106, 1107, 1108, 1109, 1109, 1110, 1111, 1112, 1113, 1114, 1115, 1116, 1117, 1118, 1119, 1119, 1120, 1121, 1122, 1123, 1124, 1125, 1126, 1127, 1128, 1129, 1129, 1130, 1131, 1132, 1133, 1134, 1135, 1136, 1137, 1138, 1139, 1139, 1140, 1141, 1142, 1143, 1144, 1145, 1146, 1147, 1148, 1149, 1149, 1150, 1151, 1152, 1153, 1154, 1155, 1156, 1157, 1158, 1159, 1159, 1160, 1161, 1162, 1163, 1164, 1165,

Tingkat capaian pengangkutan awam

SHAH ALAM - Selangor terus melipat ganda usaha menyokong peralihan penggunaan kenderaan peribadi kepada pengangkutan awam menerusi penambahbaikan sistem dan infrastruktur sedia ada.

EXCO mobiliti berkata inisiatif Mobiliti Selangor yang diperkenal seperti bas Smart Selangor dan van transit atas permintaan (DRT) meningkatkan capaian pengguna kepada pengangkutan awam.

"Laluan pejalan kaki berbumbung menerusi inisiatif itu juga turut menyumbang peningkatan akses penggunaan pengangkutan awam kepada pengguna," kata Ng Sze Han di Facebook pada 30 Julai.

Beliau berkata projek Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) yang menghubungkan Bandar Utama, Petaling Jaya hingga Johan Setia, Klang jajaran penting bagi meningkatkan capaian pengguna.

Projek LRT3 siap 95.6 peratus

KLANG - Projek pembinaan Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) melibatkan jajaran dari Bandar Utama ke Johan Setia di Selangor dijangka siap dan mula beroperasi menjelang suku ketiga tahun hadapan.

Menteri Pengangkutan Anthony Loke berkata setakat ini kerja pembinaan jajaran yang meliputi pembinaan 20 stesen itu telah mencapai 95.6 peratus dan akan selesai pada Oktober.

Beliau berkata ia kemudiannya akan diikuti dengan kerja pengintegrasian sistem yang dijangka mengambil masa beberapa bulan hingga awal tahun hadapan.

"Selepas proses itu, kita akan bersedia untuk buat proses pengujian dan pentaulahan yang akan mengambil masa tiga ke empat bulan sebelum mula beroperasi menjelang suku ketiga tahun hadapan," katanya pada 29 Julai.

Lebih 17,000 bertani di Selangor

SHAH ALAM - Seramai 17,642 individu terlibat dalam sektor pertanian di Selangor berdasarkan Hasil Bancian Pertanian 2024 setakat ini, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin memberitahu jumlah berkenaan diperoleh dalam tempoh 21 hari bantuan sejak 7 Julai.

"Sebanyak 17,874 tempat kediaman pertanian (TKP) dilawati manakala 13,573 TKP selesai dibanci di Selangor dalam tempoh sama," katanya yang juga pesuruhjaya Banci Pertanian pada 28 Julai.

Katanya, bancian itu melibatkan empat subsektor utama iaitu tanaman, ternakan, perikanan & akuakultur, perhutanan dan pembalakan yang dijangka mengambil masa hingga Oktober.

RM400,000 bantuan alatan nelayan

SHAH ALAM - Selangor memperuntuk bantuan bersasar berbentuk insentif peralatan dan kelengkapan menangkap ikan bernilai RM400,000, kata Dato' Menteri Besar.

Prihatin dengan kebajikan nelayan, Dato' Seri Amirudin Shari berkata insentif yang memanfaatkan 200 nelayan merangkumi pukat hanyut, tong minyak, kotak ikan dan minyak pelincir bagi mengurangkan beban mereka.

"Bantuan bersasar berupa insentif peralatan dan kelengkapan menangkap ikan berjumlah RM2,000 (setiap nelayan) ini antara usaha Kerajaan Negeri membela kebajikan nelayan," katanya menerusi Facebook pada 30 Julai.

Amirudin menambah Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian terhadap keperluan nelayan dan berusaha membela kebajikan mereka.

"Nelayan pun ada keperluan yang

perlu diberi perhatian. Misalnya jaring atau pukat mungkin perlu ditukar tiga hingga enam bulan sekali dengan kos sekurang-kurangnya RM100.

"Tong ikan pula mencecah RM200 dan ada nelayan perlu belanja sekitar RM1,000 sebulan untuk kos bahan api."

"Memahami keperluan nelayan yang memberi kesan terhadap pendapatan mereka, Kerajaan Negeri menyumbang RM400,000 untuk membantu 200 nelayan," katanya.

Sidang halal perkukuh industri

Sasar RM61 juta padanan niaga

Oleh DANIAL DZULKIFLY

SHAH ALAM - Persidangan Halal Antarabangsa Selangor (SELHAC) 2024 yang dijadual pada Oktober menyasarkan padanan perniagaan bernilai RM61 juta, meningkat 10 peratus berbanding tahun lalu.

EXCO agama Islam berkata program yang bakal disertai 150 syarikat tempatan diadakan sempena Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Dr Mohammad Fahmi Ngah menam-

bah penggabungan sidang itu akan mewujudkan platform komprehensif untuk usahawan halal di Asean selain memperkuuh rantaian dan pembangunan industri tersebut.

"Sebelum ini, ia adalah persidangan yang berdiri sendiri. Saya berpendapat SIBS sangat berjaya membawa masuk ramai peserta dan pemain industri, baik tempatan maupun luar negara."

"SELHAC asalnya sebagai medium usahawan halal memasuki pasaran Asean. Apabila skop diperluas, relevan untuk menjadikan SELHAC sebahagian persidangan itu," katanya pada 25 Julai.

Menurut beliau, penyepadan per-

sidangan itu juga membolehkan Selangor membantu pemain industri tempatan dan antarabangsa meneroka pasaran halal bagi mendapat pensijilan berkaitan.

Katanya, Kerajaan Negeri turut membantu peniaga mendapatkan pensijilan Jabatan Kemajuan Islam (Jakim) dalam tempoh lebih pendek sekitar 15 hari berbanding 30 hari yang ditetapkan.

Edisi ketiga SELHAC bertema Merancakkan Ekosistem Halal dianjur bersekali dengan Ekspo Antarabangsa Selangor (Makanan dan Minuman) yang dijadual pada 16 hingga 19 Oktober.

Pacu industri semikonduktor

KUALA LUMPUR - Perbadanan Teknologi Maklumat Ekonomi Digital Selangor (Sidec) dan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Cyberview Sdn Bhd untuk pembangunan industri semikonduktor di Cyberjaya.

EXCO pelaburan berkata kerjasama Sidec dan Cyberview untuk menyokong pembangunan IC Design Park 2.0 di Cyberjaya yang membabitkan nilai pelaburan yang tinggi.

Jelas Ng Sze Han, MoU antara PNSB

dan Cyberview pula tertumpu pada pembangunan taman industri dan ekosistem di Cyberjaya.

"Pembangunan IC Design Park 1.0 yang akan dirasmikan pada bulan Ogos ini telah lengkap. Jadi Kerajaan Negeri merancang membina fasa kedua melalui MoU antara Sidec dengan Cyberview."

"Majlis Perbandaran Sepang turut menyerahkan surat penganugerahan projek (LOA) buat Megajana Sdn Bhd yang merupakan anak syarikat Cyberview untuk membekalkan perkhid-

matan sistem penyejuk di ibu pejabatnya yang dalam proses pembinaan," katanya.

Majlis meterai MoU tersebut disaksikan oleh Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari sempena Sidang Kemuncak Niaga Selangor (SIBS) di sini pad 26 Julai.

Pada majlis sama, UMW Development Sdn Bhd turut menandatangani perjanjian jual beli (SPA) bersama syarikat Xinbo New Materials Sdn Bhd membabitkan nilai pelaburan sejumlah USD 70 juta.

Harga lebih rendah rawat kesuburan

SHAH ALAM - Pusat Subfertiliti Negara (PSN) pertama dalam negara yang bakal beroperasi pada 2029 di Seksyen 17 di sini menawarkan harga 20 peratus lebih rendah untuk rawatan kesuburan.

Timbalan pengurus Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) berkata inisiatif itu sebagai usaha membantu suami isteri yang berdepan masalah mendapatkan zuriat me-

mandangkan harga rawatan mencecah RM30,000.

"Pusat ini menawarkan khidmat kesuburan antaranya permanien beradas (IUI) dan rawatan kesuburan in-vitro (IVF). PSN menawarkan harga lebih rendah antara 15 ke 20 peratus dan ditanggung kerajaan."

"Pasangan yang berusaha mendapatkan anak digalakkan menerima rawatan

si pusat ini, sama ada suami atau isteri. Kita ada tenaga pakar untuk membantu," kata Juwairiya Zulkifli pada 30 Julai.

PSN diluluskan menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) menyediakan khidmat rawatan kesuburan dan kesejahteraan keluarga yang komprehensif, termasuk sebagai pusat koordinasi penyelidikan, teknologi rawatan terkini melibatkan peruntukan RM171 juta.



CERIA... Pengurus Jawatankuasa Induk Kejohanan Bola Sepak Piala Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor & Piala Mokhtar Dahari 2024 Dato' Emran Kadir (tengah) bersama penaja di Kelab Warga Emas Seksyen 24, Shah Alam pada 29 Julai. Turut hadir Timbalan Pengarah Sektor Bakat Murid Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Yusaini Salleh (tujuh, kiri). Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN ► BERITA MUKA 24

Tawar buah-buahan segar

Promosi makanan tradisional

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL

SHAH ALAM - Program Riu Rewang anjuran Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) di Karnival Rakyat Karangkraf di sini sebahagian usaha mempromosi makanan tradisi.

Pengurus Komunikasi Strategik PKPS Noor Azreena Abdul Azizi memberitahu pelbagai hidangan tradisional dimasak antaranya nasi kenduri dan masakan jawa ayam ungkep.

"Pada masa kini, masyarakat terlalu dihidang dengan makanan cepat saji (fast food) dan ramai khususnya golongan muda tidak tahu sajian tradisi."

"Kita anjurkan program Riu Rewang yang disertai 10 kumpulan akan menyajikan sajian utama dan pencuci mulut untuk dihidangkan kepada pengunjung," katanya pada 28 Julai.

Menurut Noor Azreena, setiap kumpulan yang menyertai Riu Rewang turut dibekalkan barang jenama Ehsan sekali gus mempromosikan produk PKPS itu kepada pengunjung.

"PKPS banyak produk Ehsan sama ada bahan basah atau kering. Kita mahu beritahu masyarakat PKPS bukan sahaja

ada projek pertanian tetapi mengeluarkan produk tersendiri," katanya.

Sempena karnival berkenaan PKPS turut menawarkan potongan harga sehingga 30 peratus bagi setiap buah-buahan segar dari ladang Selangor Fruit Valley.

Menurut Noor Azreena, pihaknya membuka reruai khas yang membolehkan pengunjung membeli buah-buahan seperti pulasan, jambu dan belimbing pada harga murah berbanding pasaran.

"Paling menarik, kita bawa buah nangcem iaitu kacukan nangka dan cempedak dengan benihnya PKPS buat sendiri serta dijual pada harga RM6 sekilo berbanding pasaran RM10," katanya.

Selain itu, Jualan Ehsan Rahmah turut dianjur bagi memudahkan pengunjung mendapatkan barang keperluan asas pada harga murah iaitu hampir 30 produk PKPS termasuk enam barang terlaris.

"Sambutan menggalakkan dan kita bawa jualan murah ini bagi memberi peluang kepada pengunjung yang tidak dapat hadir pada hari biasa dapat menikmati manfaat Kerajaan Negeri ini," katanya.



Atasi lebih 50 kes cemar sumber air

SABAK BERNAM - Lebih 50 kes pencemar sumber air dikesan di Selangor berjaya diatas setakat ini, maklum EXCO Alam Sekitar Jamaliah Jamaluddin.

Beliau berkata kebanyakannya kes tidak menyebabkan tindakan henti tugas loji rawatan air (LRA).

"Banyak kes pencemaran air sebenarnya berlaku di Selangor setakat ini cuma tidak diuar-uarkan kepada orang awam kerana ia tidak melibatkan henti tugas LRA.

"Malah, pihak terlibat seperti JAS (Jabatan Alam Sekitar) dan LUAS (Lembaga Urus Air Selangor) juga mengoptimumkan langkah kawalan dan pencegahan 24 jam bagi menangani kes ini," katanya pada 27 Julai.

Mengulas insiden pencemaran bau pada 22 Julai membabitkan kilang pemprosesan plastik di Kuang hingga menyebabkan LRA dihenti tugas, Jamaliah berkata agensi terlibat baharu sahaja selesai menjalankan siasatan di tapak kejadian.

Beliau menjelaskan, setiap agensi melaksanakan perbincangan dalam terlebih dahulu sama ada pesalah boleh didakwa atau disiasat mengikut enakmen agensi masing-masing.

7% Diskaun

TRIO
HAK MILIK KEKAL

**Pangsapuri Perkhidmatan
Di Bandar Bukit Tinggi Klang**

Imbas untuk e-Brosur

Saiz dari 624 kps - 1,313 kps

Unit Bumiputera Sedia Untuk Didiami

15 Fasiliti Ala-Resort Yang Eksklusif

200m Ke Stesen LRT3

Berhampiran LRT3
Dan Lebuhraya Utama

Populasi Penduduk Yang Sedia Ada

32 Unit Eksklusif Yang Mesra Perniagaan

Stay Together. Stay Setia
livelearnworkplay

Hubungi +603 3005 1025
www.triobysetia.com.my
TRIO SALES GALLERIA
D-2-14, Block D, Tingkat 2, Pangaspuri TRIO, Jalan Langat KS/06,
Bandar Bukit Tinggi, 41200 Klang, Selangor.
Email: trio_sales@spsetia.com

IT GATEWAY

Reddeck

Setia

Imbas untuk e-Brosur

QR Codes

RM1 juta bantu mangsa bencana

KUALA LANGAT - Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menyediakan peruntukan RM1 juta tahun ini khusus untuk membantu mangsa kejadian bencana.

Ketua Ahmad Azri Zainal Nor memberitahu sebanyak RM500,000 digunakan setakat Julai termasuk pemberian wang tunai kepada 75 mangsa ribut kencang di Teluk Panglima Garang di sini baru-baru ini.

"Setiap tahun memang kita sediakan sejumlah peruntukan sebagai persediaan sekiranya berlaku bencana. Tak kira apa bentuk bencana sama ada banjir, ribut atau kebakaran."

"Sumbangan tidak hanya tertumpu kepada mangsa sahaja tetapi juga usaha membaik pulih kediaman, masjid, surau atau sekolah yang ditimpa musibah," katanya.

Perkasa projek urus sumber air

KUALA LUMPUR - Inisiatif Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) melaksana Dasar Pelepasan Sifar dan Prinsip Pencemar Membayar memperkasa projek pengurusan sumber air negeri.

Ketua penolong pengarah Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai LUAS berkata Selangor satu-satunya negeri melaksana dasar itu yang digubal secara mampan bagi mengatasi pencemaran sungai dan melindungi aset perkhidmatan air.

Menurut Haslina Amer, melalui polisi itu kadar bayaran dikenakan kepada pihak industri atau premis perniagaan mengikut jumlah pelepasan efluen.

"Setiap premis yang diberi lesen perlu menjalani aktiviti perindustrian mengikut piawaian ditetapkan. Ia merangkumi mengawal selia kualiti efluen yang dibuang menuhi garis panduan," katanya.

Bimbang usahawan dapat sijil halal

SHAH ALAM - Halal International Selangor (HIS) Toyiba Sdn Bhd akan membimbang 10 usahawan Platform Selangor (PLATS) mendapatkan pensijilan halal.

Pengurus Besarnya Muhammad Syaril Showkat Ali berkata mereka antara 100 yang berjaya melepas saringan menerusi program U-PLATS Halal modul satu hingga tiga sejak awal tahun ini.

"Ini merupakan projek rintis kita, dari pada 100 usahawan PLATS, hari ini kita akan memilih 10 peserta menepati kriteria ditetapkan untuk dibimbang hingga berjaya mendapat pensijilan halal dalam tempoh tiga bulan."

"Tujuan program ini untuk memberi penerangan dan kesedaran mengenai kepentingan pensijilan halal kepada usahawan PLATS menerusi modul satu hingga enam yang dijangka berakhir Oktober ini," katanya pada 29 Julai.

Peluang 1,500 kembang perniagaan

SHAH ALAM - Lebih 1,500 usahawan menyertai Bizmatch Mega Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS): Him-punan Usahawan Selangor 2024 bagi memperkuuh rangkaian dan memajukan perniagaan.

EXCO Keusahawanan Najwan Halimi memberitahu program edisi kedua itu titik mula bagi merancakkan pertumbuhan perniagaan di Selangor selain menambah baik kemudahan buat usahawan.

"Inisiatif ini antara langkah Kerajaan Negeri dalam memacu pertumbuhan usahawan negeri ini ke tahap yang lebih tinggi serta membantu usahawan berhubung terus kepada agensi terlibat.

"Ini juga permulaan sebelum pengajuran Ekspo Usahawan Selangor 2024 (Selbiz 2024) yang akan diadakan

di Setia Alam pada Oktober depan," katanya selepas perasmian program pada 23 Julai.

Program percuma yang disertai 40 agensi pembiayaan dan keusahawanan di Seksyen 7 di sini turut menampilkan Datuk Rosyam Nor.

Sementara itu, usahawan minuman sarang burung walit, Suhaiza Hussin, 49, yang julung kali hadir dalam program padanan perniagaan itu berharap dapat meluaskan lagi rangkaian pasaran.

"Saya datang kerana nampak potensi yang banyak di program ini terutamanya peluang untuk bertemu agensi dan ketengahkan produk kita kepada pihak berkepentingan.



"Produk jenama saya ada di semua cawangan pasar raya Rosyam Mart. Saya mahu letak produk di semua pasar raya dalam negara," katanya yang menghasilkan lebih 5,000 botol minuman sarang burung walit setiap bulan.

Asraff Rosli, 36, yang mengusahakan produk makanan tambahan kesihatan menyifatkan program itu baik kepada usahawan di Selangor yang sedang berusaha mengembangkan perniagaan.

Beliau yang berhasrat menambah kilang bagi meningkatkan hasil produk berharap program seumpama ini diteruskan selain semua usahawan dibimbang secara terus oleh agensi terlibat.

Bawa anak ke pesta buku

Keluarga manfaat cuti hujung minggu

Oleh SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Ibu bapa memanfaikan cuti hujung minggu dengan membawa anak-anak ke Pesta Buku Kanak-Kanak Selangor 2024 di Kompleks PKNS, di sini pada 28 Julai.

Ernie Diana Iskandar, 43, yang hadir bersama suami dan empat anak dari Ijok mengakui ternanti-nanti pesta buku seumpama ini kerana mereka sekeluarga minat membaca.

"Anak-anak paling teruja kerana mereka dapat menambah koleksi komik kegemaran dan kebetulan pesta kali ini,



pengajuran memberi lebih penumpuan kepada bahan bacaan seperti itu.

"Bagus pengajuran pesta buku kanak-kanak ini, harap dapat dianjurkan lebih kerap di tempat yang lebih strategik," katanya.

Kamarul Hadza Haimi, 43, berkata karnival berkenaan memberi peluang kepada pencinta buku untuk mendapatkan bahan bacaan pada harga murah kerana banyak diskaun ditawarkan.

"Pelbagai jenis buku boleh kita dapat hanya di satu tempat dengan harga yang sangat murah. Hari ini ha-

dir bersama anak untuk cari buku latihan mereka," katanya.

Bapa dua anak Shanmugasenan, 45, tidak melepaskan peluang membawa keluarga ke pesta buku anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor untuk mencari bahan bacaan bahasa Melayu.

"Selain membeli buku, kami kerap ke perpustakaan untuk pinjam pelbagai jenis bahan bacaan. Harap pesta buku seperti ini dapat dianjurkan lebih kerap pada masa akan datang," katanya.

Menerima kehadiran lebih 80,000 pengunjung, pesta buku turut dimeriahkan dengan aktiviti seisi keluarga seperti mewarna, melukis dan pelbagai persembahan.

10,000 meriahkan Pilih Karnival

SHAH ALAM - Lebih 10,000 pengunjung memeriahkan program Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) Pilih Karnival Kota Puteri yang berlangsung dua hari pada 27 dan 28 Julai.

Pengurus Kanan Jualan PKNS Ishak Hashim memberitahu pelbagai acara menarik termasuk konsert yang menampilkan artis terkenal tanah air seperti Azlan & The Typewriter dan Nuha Baharin.

"Kehadiran pengunjung cukup bagus, bermula dengan acara zumba dari 8 pagi hingga konsert pada sebelah malam, saya lihat sambutan menggalakkan.

"Program ini bertujuan merapatkan hubungan antara PKNS dengan pembeli termasuk pembeli yang berpotensi," katanya di Galeri Jualan Hartanah Kota Puteri seperti dilapor Bernama.

Ishak berkata aktiviti bertema sukan rakyat menjadi tarikan utama pengunjung antaranya permainan layang-layang, tarik tali, tiang licin dan pukul bantal.


Karnival yang dirasmikan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) Md Kamarzan Md Rais antara langkah anak syarikat Kerajaan Negeri itu bagi merapatkan hubungan de-

ngan masyarakat.

Pengunjung juga berpeluang memenangi hadiah bernilai RM15,000 termasuk cabutan bertuah yang menawarkan sebuah motosikal.

PKNS juga menyediakan baucar barang elektrik bernilai RM2,000 kepada 10 pembeli projek kediaman Puteri Ariana dan Puteri Ariana 2 di Kota Puteri yang membuat tempahan di situ.

Siri Pilih Karnival seterusnya di Antara Gapi, Hulu Selangor pada 24 dan 25 Ogos ini sebelum berakhir di Selangor Cyber Valley, Sepang pada 28 dan 29 September.



Sasar transaksi

RM7 bilion

12&13

Syahid juga akhirnya



Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bertemu Ismail Haniyeh di Doha ketika lawatan rasmi ke Qatar pada 13 Mei 2024. Foto Facebook Anwar Ibrahim

Lahir di sebuah kem pelarian di Gaza pada awal tahun 1962, Ismail Haniyeh bergerak cergas di kampus sejak 1981 sebagai pemimpin mahasiswa yang dekat dengan Ikhwanul Muslimin.

Ibu bapanya berasal dari Asqalan (Ashkelon), tidak jauh dari utara Semenanjung Gaza, aktivis muda ini terus meredah liku perjuangan dekad tersebut hingga Harakatul Muqawwamatul Islamiah (Hamas) ditubuh pada 1988.

Seperti nasib pemimpin dan aktivis Palestin, yang berjuang menjelang dan selepas penguasaan Israel mulai 1948, keluar masuk penjara rejim Israel sudah menjadi asam garam kehidupannya.

Pada mulanya, ketika Intifadah pertama pada 1988, selama enam bulan beliau meringkuk di balik jeriji besi.

Kemudian selama tiga tahun apabila ditahan pada 1989 dan dibuang ke negara jiran Lubnan.

Dekat dengan pengasas gerakan tersebut Syeikh Ahmad Yassin sejak awal, 1997, Ismail seorang pemimpin politik berbakat sehingga berjaya memegang jawatan perdana menteri Pihak Berkuasa Palestin (PA) pada 2006.

Namun, nasibnya tidak selalu cerah.

Jawatan tersebut dipertikai dari 2007 sehingga 2014 apabila satu lagi kumpulan besar Fatah berselisih dengan Hamas.

Perseteruan dua kumpulan ini mencetuskan perang saudara berlarutan.

Konflik ini berpunca, antara lain, ketegasan Hamas dan Ismail tidak melayan desakan Fatah untuk mengiktiraf negara haram itu.

Susulan itu, Israel dengan dukungan negara-negara Barat tidak mengiktiraf gerakan Islam tersebut.

Bagaimanapun Fatah, kumpulan terbesar dalam Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) yang mendapatkan PA ketika tokohnya Yasser

Arafat masih hidup, sering pula sepakat menentang rejim Israel.

Ismail sebelum ini terselamat daripada cubaan Israel membunuhnya, termasuk ketika bersama pendiri Hamas itu pada September 2003.

Diserang dari udara

Namun beberapa bulan kemudian Ahmad Yassin maut di tangan rejim tersebut.

Berasal dari Asqalan, tokoh ulama berpengaruh

BIODATA ISMAIL HANIYEH

Umur 62 tahun

Terbunuh 31 Julai 2024 di Tehran, Iran

Lahir 29 Januari 1962 di kem pelarian Al-Shati, Gaza

Jawatan ketua biro politik Hamas (mulai Mei 2017)

Pendidikan Universiti Islam Gaza jurusan Kesusastraan Arab

Keluarga

- 13 anak (tiga terbunuh dalam serangan 10 April 2024)
- kakak terbunuh Jun 2024. Kira-kira 60 ahli keluarga dan saudara-mara terbunuh

Pengalaman

- Perdana menteri Pihak Berkuasa Palestin di Gaza (2006-2007)
- Setiausaha pengasas Hamas Syeikh Ahmad Yassin (terbunuh 2004)
- Dipenjara oleh Israel 1988 (enam bulan) dan 1989 (tiga tahun)
- Sertai Hamas sejak diasaskan (1988)
- Pemimpin mahasiswa di universiti (1980-an)



Sumber Encyclopedia Britannica | The Muslim 500: The World's Most Influential Muslims | Al Jazeera

itu diserang dari helikopter AH-64 Apache selepas solat subuh di Bandar Gaza pada 22 Mac 2004.

Almarhum diganti Abdul Aziz al-Rantisi tetapi dibunuh juga menggunakan kaedah sama pada 17 April tahun itu.

Pada jam 2 pagi 31 Julai waktu Tehran, tiba-tahil giliran Ismail menemui syahidnya.

Beliau berada di Iran sempena majlis angkat sumpah presiden baharu Masoud Pezeshkian beberapa jam sebelumnya.

Tokoh jihad Palestin itu tinggal di sebuah kediaman khas dalam kawasan penempatan veteran tentera.

Diserang dari udara, Ismail dan pengawalnya terkorban. Iran masih menyiasat serangan ini.

Dianggap pragmatik, tokoh politik Hamas ini sedang mencari jalan damai tetapi sentiasa dirintang kematian.

Tiga anak lelakinya bersama empat cucu terbunuh dalam kereta pada April tahun ini. Kakaknya yang sudah lanut usia terbunuh dua bulan kemudian.

Sepanjang 10 bulan mutakhir, lapor portal Al Jazeera, 60 ahli keluarga dan sanak saudaranya menemui ajal di tangan Israel.

Mereka pergi bersama hampir 40,000 lagi nyawa, termasuk 15,000 kanak-kanak sejak 7 Oktober 2023. Seramai 91,000 cedera.

Ismail menyertai barisan tokoh Palestin yang terkorban seperti ahli strategi Yahya Ayyash (1996), pakar bom Adnan al-Ghoul (2004), ulama Nizar Rayyan (2009) dan Saleh al-Arouri (2024).

Pemimpin kanan lain yang sedang diburu rejim tersebut: Yahya Sinwar (pengganti Ismail di Gaza), Mohammed Deif (ketua Briged Izzuddin al-Qassam), Marwan Issa (orang kanan Deif), Khaled Meshaal (pemimpin biro politik sebelum Ismail) dan ahli politik Dr Mahmoud Zahar.

Tiada yang lebih mudah untuk Palestin daripada perjuangan yang menuntut pengorbanan.

Oleh ABDUL RAHIM SABRI

Tidak mudah membesarkan dan menguruskan anak istimewa, khususnya yang mengalami Kecelaruan Spektrum Autisme (ASD) atau dikenali autisme.

Autisme ialah gangguan pertumbuhan tumbesaran seseorang dalam jangka masa panjang yang memberi kesan dalam pemikiran kanak-kanak dan memproses informasi, menurut Portal MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia.

Gangguan itu menyebabkan kanak-kanak autisme hidup dalam dunianya sendiri hingga memberi kesan kepada kemahiran interaksi sosial, komunikasi dan tingkah laku mereka.

Justeru, kanak-kanak sebegini memerlukan tumpuan khas daripada penjaga menyebabkan ada ibu atau bapa berhenti kerja semata-mata untuk menjaga anak istimewa itu.

Tindakan sedemikian mengecilkan sumber kewangan keluarga kerana bergantung harap kepada satu punca pendapatan semata-mata.

Akibatnya, sesetengah ibu bapa berdepan masalah kewangan memenuhi keperluan anak autisme mendapatkan intervensi awal supaya dapat berinteraksi dengan kanak-kanak normal lain.

Pegawai Pemulihan Perubatan (Cara Kerja) Nurul Husna Shuib yang menjalankan terapi kepada kanak-kanak autisme di Pusat Sokongan Pendidikan Awal Anak Istimewa (Pusat ANIS) mendedahkan, pihaknya menganggar 50 peratus hingga 60 peratus ibu atau bapa terpaksa berhenti kerja bagi menumpukan anak autisme.

Selain itu, beliau juga mendapat aduan ibu bapa yang terpaksa memberhentikan program intervensi di pusat swasta yang mengenakan yuran yang tinggi.

"Jadi yang hantar anak ke (pusat) swasta, memang terkesanlah dengan kos-kos terapi,



intervensi awal sangat mahal," katanya ketika ditemui pada 9 Julai.

Akibat kekangan kewangan ibu bapa, segelintir anak autisme dibiarkan di rumah tanpa sebarang intervensi menyebabkan ada sesetengah kanak-kanak berumur enam tahun masih tidak menguasai beberapa kemahiran dasar.

Intervensi

Menyedari masalah itu, Kerajaan Negeri menubuhkan Pusat ANIS pada Ogos 2021. Bertempat di Shah Alam, pusat itu menyediakan program intervensi awal percuma kanak-kanak autisme khususnya kepada ibu bapa kurang berkemampuan.

Pusat itu turut menyediakan perkhidmatan untuk kanak-kanak sindrom Down, sindrom kurang daya tumpuan dan hiperaktif (ADHD), kelewatan perkembangan global kanak-kanak (GDD) serta masalah pembelajaran, berumur dua hingga enam tahun.

Mengulas lanjut, wanita berusia 34 tahun itu berkata, faktor lain mendorong ibu atau bapa berhenti kerja kerana kerenah majikan yang sukar meluluskan pelepasan waktu kerja untuk terlibat dalam terapi anak



Cabaran urus anak autisme

PERUNTUKAN DAN PESERTA PUSAT ANIS

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	INTERVENSI AWAL (kanak-kanak)
2021	500,000	26
2022	500,000	30
2023	500,000	42
2024	500,000	55
JUMLAH	2,000,000	153

Sumber Pusat ANIS

selama dua jam di pusat intervensi.

Katanya, kesedaran rendah masyarakat mengenai autisme menyebabkan ibu bapa berasa rendah diri dan terpaksa berhadapan rungutan tetangga mengenai anak istimewa mereka.

Hal ini berlaku apabila anak itu di rumah menjerit-jerit, menangis dengan kuat sehingga dikatakan mengganggu jiran sekeliling.

Nurul Husna berkata, pihaknya mendapati cabaran-cabaran berkenaan menyebabkan wujudnya tekanan melampau terutama golongan ibu kepada anak autisme.

"Kita ada temui ibu-ibu yang menjadi murung disebabkan tekanan yang terlampaui. Tekanan urus hal rumah, anak-anak lain, suami. Anak-anak autisme ini, selain tingkah laku yang berulang, ada tingkah laku lain seperti tak dengar arahan (dan) tak duduk setempat," katanya.

Selangorkini menemubual ibu kepada dua pelajar pada 9 Julai lalu, bertanyakan mengenai cabaran yang lalui sebelum menyertai program Pusat ANIS.



"Sebelum ini saya tak nampak dia suka berkawan. Dia main seorang diri. Bila dekat sini (Pusat ANIS), dia rasa seronok. Setiap kali cakap nak datang sini, dia macam tak sabar. Rasa sesuai untuk dia."

Rohani Hamzah, 35, kerani

"Masa di Pusat ANIS banyak perubahan, walaupun dia sekolah sehari sahaja, boleh ikut arahan kita. Senang bawa ke mana-mana. Sebelum ini umur empat tahun, kalau ke mana-mana ada benda dia suka dan tak dapat, dia sudah baring dekat situ."



**Nurul Auni
Saadiah Mohd Ansor,
31, suri rumah**

Susut 16kg jiwai watak Rashid Sidek



Oleh INTAN SYUHADA AKHIR

Pelakon Farid Kamil berlatih selama sebulan setengah memukul lebih 2,000 bulu tangkis sehari semata-mata mahu menjawai watak legenda badminton negara Datuk Abdul Rashid Mohd Sidek.

Memegang watak utama filem Gold, beliau menurunkan berat badan 16 kilogram melalui kaedah diet supaya tubuhnya seakan-akan pemenang gangsa Olimpik di Amerika Syarikat pada 1996 itu.

Farid mengambil masa kira-kira 10 jam untuk melakonkan semula adegan perlawanannya akhir Piala Thomas 1992 yang memaparkan Rashid menentang pemain Indonesia Ardy Wiranata yang ditonton menerusi televisyen ketika berumur 11 tahun.

Artis berumur 43 tahun itu teruja melakonkan watak tersebut dan puas dapat menjayakan adegan perlawanannya meski mengambil masa kira-kira 10 jam supaya produksi mendapat babak terbaik.

"Memang kami peruntuk tenaga

untuk selesaikan perlawanannya dalam tempoh itu. Sepanjang penggambaran, Alhamdulillah saya tidak cedera, sekadar lenguh di bahu dan tangan.

"Perkara paling mustahak dalam membawakan watak seorang legenda masih hidup ialah bagaimana menjelmakan pemikirannya dalam diri," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Gold yang ditayang mulai 11 Julai menampilkan kisah benar pemain badminton negara Cheah Liek Hou yang menghidap penyakit saraf Erb's Palsy. Liek Hou kemudian menang emas Sukan Paralimpik Tokyo 2020 hasil bimbingan Rashid.

Rashid pemain badminton terkenal sekitar 1990-an termasuk pemain perseorangan nombor satu dunia pada 1997. Anak kelima pasangan Dato' Mohd Sidek Abdullah dan Datin Rukinah Sulaiman menang Piala Thomas pada 1992 dan emas Olimpik (1996) dan emas Sukan Komanwel (1990).

Liek Hou pula pemenang emas Paralimpik Tokyo 2020. Bergelar

juara dunia perseorangan enam kali antara 2019 hingga 2021, atlet kelahiran Kuala Lumpur itu meraih dua perak Sukan Para Asia di Hangzhou pada 2022.

Bagi menghidupkan watak Rashid, Farid turut menjalani latihan ketat bersama skuad badminton kebangsaan selama tiga jam setiap hari dalam tempoh sebulan setengah itu.

Jaguh badminton

"Pernah saya buat permintaan untuk bermain badminton satu gelanggang dengan Rashid. Cuma, jadualnya padat kerana melatih skuad muda. Saya cuma sempat berjumpa sekali dan berbual-bual."

"Rashid tidak banyak bercakap, sekadar bercerita tentang pertandingan Piala Thomas, buku lalinya sakit. Ketika itu, kepakaran perubatan tidak secanggih sekarang. Namun, beliau kuatkan semangat untuk menang," katanya.



Farid juga mendedahkan Rashid dorongan utama beliau memegang raket pertama ketika zaman kanak-kanak lantaran negara dilanda demam badminton apabila Malaysia menjulang Piala Thomas.

Pada masa itu, kebanyakan ibu bapa berangan-angan melihat anak mereka membesar sebagai jaguh badminton seperti anak-anak Sidek.

"Ketika Rashid menang Piala Thomas, ramai ibu bapa mahu anak mereka belajar badminton," kata Pelakon Filem Lelaki Popular 2004 yang kali terakhir bermain kira-kira 30 tahun lalu.

Farid percaya filem bertema sukan tersebut berupaya menyuntik semangat kepada kontingen negara untuk membawa pulang pingat emas Olimpik.

"Semoga mereka merasai perasaan dan perjuangan pemenang pingat emas dan memberi inspirasi untuk berjuang habis-habisan," kata beliau lagi.



Dato' Menteri Besar dan Sze Han diberi penerangan berhubung Stesen Janakuasa Pulau Indah ketika melawat reraui Rancangan Selangor Pertama pada 25 Julai



Dato' Menteri Besar, Ketua Menteri Pulau Pinang dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi Dr Tricia Yeoh ketika sesi dialog pada 25 Julai



Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor Dato' Yong Kai Ping (kanan) bertukar dokumen dengan Ketua Pegawai Teknologi Weeroc Salleh Ahmad (dua, kiri) pada 25 Julai



Amirudin menyampaikan ucaptama ketika acara Siri Pelabur SIBS pada 25 Julai



EXCO Kerajaan Tempatan menyaksikan pertukaran memorandum kerjasama antara MBI dan Universiti Putra Malaysia ketika Ekspos SPARK pada 25 Julai



Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI Saipolyzam M Yusop (dua, kiri) ketika forum Selangor, Gerbang ke ASEAN pada 25 Julai



Ruang pameran dipenuhi orang ramai ketika SBS pada 25 Julai. Lebih 1,300 reraui untuk pempamer dari 80 negara disediakan dalam sidang niaga tahun ini



Penolong Pengarah Majlis Bandaraya Shah Alam Wan Mohd Azim Wan Mohd Zubir (kiri) menerangkan kepada Amirudin mengenai sistem lampu jalan pintar pada 25 Julai



Sukarelawan SBS membantu pengunjung wanita membuat pendaftaran menerusi kaedah imbasan kod QR pada 26 Julai. Pengunjung bertuah berpeluang memenangi hadiah misteri



Sesi penerangan mengenai SABC diberikan kepada orang ramai pada 25 Julai. Pelbagai peluang jalinan perniagaan disediakan dalam sidang tiga hari itu



Ika Zainudin (kanan) dan P Jananee (kiri) mempromosikan barang krafangan antaranya pinggan dan perkakas dapur di reraui Industri Kreatif ASEAN pada 26 Julai



Orang ramai mengunjungi reraui pameran menempatkan pihak berkusa tempatan Selangor semasa SBS pada 26 Julai. Program itu menyasarkan kehadiran 60,000 pengunjung



Pelawat meneliti risalah di reraui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada 27 Julai berkaitan pembangunan dijalankan anak syarikat Kerajaan Negeri itu

Jerih pertahan tadika

Oleh NAZLI IBRAHIM

Foto FIKRI YUSOF

Terengin menghantar anak ke tuisyen, ibu tunggal pula menjadi guru kepada anak-anak jirannya. Dari situ, Rusliza Pechok, 52, membuka tadika pula, memberi didikan awal kepada kanak-kanak.

Berbekal modal kecil dan bantuan barang terpakai, beliau gigih membangunkan Tadika Cilik Ria sejak 2014 hingga bilangan anak muridnya mencecah 90 orang lima tahun kemudian.

Bergelut kemiskinan sekian lama, beliau yang menjadi asraf Lembaga Zakat Selangor (LZS) sejak 2010 juga bingkas bangkit sebaik negara pulih dari terpaan pandemik Covid-19.

Hasil bantuan kewangan dan bimbingan Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (Teras), anak syarikat LZS, Rusliza memperbesar tadikanya di Paya Jaras pada 2015, tahun sama keluar dari senarai asraf.

Anak peneroka Felda Bukit Mendi, Triang Pahang berkelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia itu mulanya hanya memberi tunjuk ajar kepada anak-anaknya dalam bidang pendidikan.

"Kalau boleh hendak hantar anak masuk tuisyen sebab mahu tengok anak-anak berjaya tetapi kalau hantar tuisyen bayarannya agak mahal. Jadi saya ajar sendiri di rumah," katanya ketika ditemui pada 27 Jun.

Mereka dididik berdisiplin melangsaikan kerja rumah dan mengulang kali pelajaran. Kesungguhan beliau, ditambah keinginan empat anaknya untuk cemerlang dalam pelajaran, membawa hasil.

Tiga anaknya meraih 5A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah. Kejayaan itu mendorong jirannya menghantar anak untuk dididik Rusliza. Rumahnya 'bertukar' menjadi pusat tuisyen.

Menginsafi kemiskinannya, bergantung hidup dengan gaji guru tadika RM450 sebulan selain bantuan LZS, beliau hanya mengenakan yuran RM50 satu kepala untuk semua mata pelajaran.

Pendapatan tambahan itu dihimpunnya berdikit-dikit sekitar RM5,000 dan dijadikan modal untuk membuka Tadika Cilik Ria. Beliau menyewa sebuah rumah RM400 dan membuat pengubahaan.

Perabot termasuk meja, kerusi dan papan tulis pula sumbangan bekas majikan tadika tempat beliau bekerja. Cukup untuk kegunaan 16 kanak-kanak berusia antara empat hingga enam tahun.

Hasil pertambahan bilangan anak murid, lokasi tadika dipindah ke sebuah bangunan lebih besar pada 2015, tidak jauh dari tempat asal.



Wanita itu juga beroleh bantuan kewangan Teras.

Rusliza menggunakan wang RM11,000 itu untuk kerja ubah suai dan menambah kelengkapan tadika lantaran bilangan anak muridnya mencecah 90 orang. Beliau juga menggaji lima guru dan seorang pembantu.

Pada tahun sama, beliau keluar dari senarai asraf, suatu yang dianggapnya sebagai kejayaan penting dalam onak kehidupannya.

"Saat paling saya tidak boleh dilupakan, pertama kali ke kaunter untuk membayar zakat. Rasa terharu. Dahulu ambil bantuan tetapi kali ini datang bayar zakat," katanya dengan mata berkaca.

Harung cabaran

Apabila Covid-19 menular dan Perintah Kawalan Pergerakan pada Mac 2020 dikuat kuasa, Rusliza cekal mengharung cabaran. Walau tiada pendapatan, sewa bulanan dilunas menggunakan wang simpanan sepanjang enam bulan tadika tidak beroperasi.

"Nasib baik ada duit simpanan. Masa

itu, ikat perut sikit sebab hendak berjimat.

Makan apa yang ada sahaja," katanya sambil mengenang keperitan masa lalu, saat kemiskinan mencengkam.


Rusliza sedar kesusahan itu tidak seburuk lalu. Pernah anak perempuan patah tangan, terpaksa beliau sewa kereta ke Hospital Sungai Buloh walau duit di tangan tidak seberapa.

Apabila kawalan dilonggar termasuk tadika boleh dibuka semula dengan kawalan ketat, beliau meneruskan operasi berkenaan.

"Boleh dikatakan yuran bulanan tadika saya antara yang murah di Paya Jaras, RM150 seorang. Ada ibu bapa lambat bayar, saya tidak tekan atau paksa suruh bayar sebab kita faham kadang-kadang orang ada masalah," katanya.

Beliau bersyukur kerana berupaya meningkatkan taraf hidup keluarga manakala dua anaknya berjaya menamatkan pengajian peringkat universiti dan memperoleh pekerjaan baik.

"Kepada asraf lain, walaupun susah mana pun kita jangan abaikan pelajaran untuk anak-anak. Jangan putus asa, kerja kuat, selalu berdoa dan dekatkan diri kepada-Nya," kata beliau.



Manfaat sertai BRICS

Sekarang ini belum nampak cadangan Malaysia menyertai organisasi antara kerajaan Brazil-Rusia-India-China-Afrika Selatan (BRICS) dijadikan simbol keresahan oleh mana-mana pihak.

Ia jelas berbeza jika dibandingkan dengan ketika Malaysia mahu menyertai Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dulu.

Tidak keterlaluan jika dikatakan perbezaan sambutan ini antara lain tersirat unsur ideologi geopolitik di sebalik dua inisiatif ini.

Walhal, mana-mana perjanjian sebegini sebenarnya terdedah kepada risiko dan peluang yang sama.

Jika TPPA dulu bermula dengan rundingan 12 negara dan kemudian dikenali sebagai Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) yang hanya ditandatangani oleh 11 negara termasuk Malaysia pada 2022 berikutan Amerika Syarikat menarik diri pada saat akhir.

BRICS pula bermula dengan empat negara iaitu Brazil, Rusia, India dan China sebelum disertai oleh lebih banyak negara dari pelbagai benua antaranya Afrika Selatan, Iran, Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Sebelas negara anggota CPTPP membentuk keluaran dalam negara kasar (KDNK) mencecah lebih RM60 trillion, menjadikannya antara rundingan perdagangan terbesar di dunia.

BRICS pula membentuk rundingan perdagangan yang lebih besar, dengan KDNK mencecah lebih RM100 trillion.

Itu pun belum mengambil kira tambahan sekitar 30 negara lagi, termasuk Malaysia, yang telah menyatakan minat untuk menyertai rundingan ini.

Pendirian Malaysia untuk terlibat aktif dalam rundingan perdagangan antarabangsa sudah tentu penting untuk difahami dalam konteks ekonomi dan



Pengerusi Institut Terjemahan & Buku Malaysia, NOOR AMIN AHMAD juga bekas ahli parlimen

geopolitik.

Dengan status sebagai pengerusi ASEAN bermula tahun hadapan, Malaysia berpeluang menunjukkan contoh bagaimana sebuah negara yang tidak memihak kepada mana-mana blok kuasa besar masih boleh tegas menyatakan pendirian khususnya dalam isu-isu antarabangsa berkepentingan bersama, sekali gus menjalinkan hubungan ekonomi yang aktif dengan semua pihak.

Rebut peluang

Ini tentunya cabaran yang tidak mudah.

Malaysia sebagai sebuah negara dagang sejak sejauh lama tidak boleh melepaskan peluang dengan hanya menjadi penonton ketika negara-negara serantau semakin berkembang maju merebut peluang yang ada.

Malaysia agak beruntung kerana beberapa faktor yang menjadi kelebihan dalam menarik kerjasama perdagangan sambil dirujuk sebagai suara pendamai yang berani.

Baru-baru ini, Indeks Keamanan Global meletakkan Malaysia sebagai antara 10 buah negara paling aman di dunia.

Dari segi Indeks Kemudahan Berniaga, Malaysia antara 12 negara paling mudah berurusniaga dalam 190 ekonomi yang dinilai.

Indeks Peluang Global meletakkan Malaysia di tempat ke-27 di dunia dan yang terbaik dari segi keseluruhan persekitaran pelaburan di Asia.

Sudah tentu banyak lagi kelebihan

Malaysia boleh diceritakan.

Pertumbuhan KDNK suku pertama 4.2 peratus berbanding jangkaan awal sekitar 3.9 peratus serta pertumbuhan KDNK suku kedua 5.8 peratus berbanding jangkaan tertinggi 5.1 peratus menunjukkan wujud keyakinan besar dalam pasaran modal dan ekonomi Malaysia ketika ini.

Kita menjangkakan ini akan berterusan untuk satu tempoh dan ia memberikan kesan baik kepada negara secara keseluruhannya.

Ia adalah petunjuk keyakinan pemain-pemain industri kepada kestabilan politik dan dasar-dasar yang diambil kerajaan.

Namun kerajaan harus melihat perkembangan ini dengan rasa syukur dan bermuhasabah.

Kekuatan makroekonomi negara mesti diseimbangkan dengan ketidaktentuan mikroekonomi yang berlarutan sejak sejauh lama.

Usaha membasmi kemiskinan mutlak, meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat, menstabilkan bekalan keperluan asas dan harga, meningkatkan peluang dan persaingan, menghapuskan rasuah, menyediakan peluang pendidikan dan pekerjaan bermutu, peralihan kepada sumber tenaga lebih cekap, penyediaan kemudahan asas air, elektrik dan perumahan yang setimpal masih tetap menjadi antara persoalan umum sampai bila-bila.

Dengan prestasi mantap di peringkat makro dalam tempoh satu tahun setengah (19 bulan) Anwar Ibrahim menjadi perdana menteri, rakyat menantikan sentuhan magis beliau yang dulu lebih terkenal sebagai pejuang rakyat terbahawah.

Jika dulu Anwar masih kekal diingat demikian sambil diiktiraf antara menteri kewangan terbaik di Asia dan di dunia, saya percaya beliau masih pemimpin yang mempunyai iltizam sama untuk memastikan agenda kemajuan kita bersifat manusawi.

Kedudukan ekonomi anggota BRICS

	KDNK (trillion USD)	tangga ekonomi
China	17	2
India	3.5	5
Brazil	2.1	9
Rusia	2.0	11
Turkiye**	1.1	18
Arab Saudi*	1.0	19
Thailand**	0.51	27
UAE*	0.5	29
Bangladesh**	0.43	32
Vietnam**	0.42	34
Iran*	0.4	36
Malaysia**	0.39	37
Mesir*	0.39	38
Afrika Selatan	0.37	40
Nigeria**	0.36	42
Pakistan**	0.33	44
Chile**	0.33	45
Peru**	0.26	49
Kazakhstan**	0.26	50
Algeria**	0.23	53
Ethiopia*	0.16	58
Ecuador**	0.11	63
Sudan**	0.1	65
Kenya**	0.1	67
Guatemala**	0.1	68
Uzbekistan**	0.09	70
Costa Rica**	0.08	71
Sri Lanka**	0.08	74
Panama**	0.08	75
Tanzania**	0.07	77
Uruguay**	0.07	80
Azerbaijan**	0.07	83
Belarus**	0.07	84
Congo**	0.06	86
Turkmenistan**	0.05	88
Cameroon**	0.04	93
Bolivia**	0.04	95
Honduras**	0.03	101
El Salvador**	0.03	102
Senegal**	0.03	106
Mongolia**	0.01	121
Nicaragua**	0.01	127
Afghanistan**	0.01	137
Tajikistan**	0.01	146
Cuba**	-	-
Venezuela**	-	-

*anggota sejak 1 Januari 2024

**memohon sertai BRICS

Sumber laporan Bank Dunia 2023, portal BRICS




Tak termiliki itu abadi

Oleh ADAM TAUFIQ SUHARTO
Ilustrasi FAHMI MUSTAFFA

*Segala yang dihasrat
tapi tak didapat
adalah nikmat
yang paling padat.*

Nikmat' yang 'padat' itu adalah sesuatu yang saya perolehkan kala menonton beberapa filem asmara yang berpaksikan kependaman dan ketidakmilikan (dalam kata lain, filem yang berpenghujung kedua-dua susuk lelaki dan perempuannya tidak dapat bersama). Dan barangkali, apabila kita bicarakan tentang kependaman dan hubungan yang tak termiliki, magnum opus Wong Kar Wai, *In The Mood For Love*, adalah sesuatu yang sukar untuk dipandang sebelah mata. Ia berlebaran seputar Chow (dipesonakan Tony Leung) dan Su Li Zhen (dipesonakan Maggie Cheung), pasangan berjiran yang akhirnya sampai kepada kesedaran bahawa pasangan mereka berlaku curang antara satu sama lain, dan lebih liar, suami Su Li Zhen menjalin hubungan dengan isteri Chow. Mereka mula berbincang, menyiasat seperti sang detektif yang galak menjajak motif dan alibi (bak hujahan Gary Bettison dalam eseinya). Lalu mereka pun bertanya-tanya, 'bagaimanakah ia berlaku?', 'bagaimanakah ia bermula?' tanpa mereka sedari ia sedang berlaku dan bermula sesama mereka pula (atau seperti teori-teori konspirasi yang berlebaran di internet, sebenarnya hanya mereka yang curang?). Dalam kisah hubungan mereka, moral adalah 'orang ketiga'; untuk tidak menjadi seperti isteri dan suami yang mencurangi sesama mereka.

Maka mereka berpisah



dalam ingin yang tidak ingin. Mereka terus wujud dalam kenangan, memori dan perlambahan menjadi nostalgia dan hantu masa silam masing-masing, Su Li Zhen masih menjadi hantu masa lepas buat Chow dan begitu juga Chow menghantui Su Li Zhen. Malah, terdapat babak Su Li Zhen masuk menawan ruang bilik peribadi Chow di Singapura tanpa memaklumkan Chow tentang kehadirannya, malah tanpa Chow tahu dia telah berlayar jauh dari Hong Kong, tak ubah seperti hantu. Su Li Zhen seperti hantu yang bergantayangan di bilik Chow, membela dan mengusik-usik apa-apa yang pernah bertanda terusik oleh Chow. Dia juga malah sempat menelefon Chow tanpa dapat mengungkapkan apa-apa, sehingga Chow jadi tak keruan dan tertanya-tanya. Tapi dia tahu, sesuatu dari masa lepas cuba mencapainya tanpa menggapai zahir. Pada akhirnya masa lepas bukanlah masa lepas pun, bak kata Faulkner juga.

Angkor Wat

'Hantu masa lepas' inilah yang Chow ingin 'buang' di Angkor Wat supaya para dewa dan alam di balik mata dapat terus menjauhkan Chow daripada 'hantu masa lepas' bernama nostalgia. Dia membicarakan rahsianya di lubang dinding Angkor Wat, supaya rahsianya tertanam bersama lumut-lumut di lubang itu, sambil diperhatikan seorang sami dari paras atas, yang mungkin saja curiga tapi mungkin juga lebih tahu, apa yang membelenggu dan 'merasuki' Chow. Dia kemudian beredar

dan kita sebagai penonton ditinggalkan di dalam Angkor Wat, kerana mungkin rahsia dan rasa Chow kekal di sini tetapi adakah ia sepenuhnya tidak lagi 'mengganggu' dan 'merasuki' Chow? Seperti bait-bait akhir dalam filem ini, masa silam adalah sesuatu yang boleh diingati tetapi tidak boleh disentuh. Dalam sekuel tak rasmi seterusnya, 2046, Chow ternyata, masih tidak dapat lari daripada 'hantu masa lepas' bernama nostalgia. Su Li Zhen abadi dan hakiki untuknya lebih-lebih lagi kenang-kenangan di bilik bernombor 2046.

Daripada drama period berlatar hiruk-pikuk Hong Kong, kita beralih ke drama period di tanah Inggeris, dengan kisah cinta yang tak terluahkan antara seorang butler dengan pembantu rumah. Dalam *Remains of the Day*, Stevens (dipesonakan Anthony Hopkins), seorang butler, memendam rasa kepada

Kenton (dipersonai Emma Thomson). Pengabdian Stevens kepada kerja mendahului pengabdian terhadap perasaan hatinya, maka dia mengurung perasaannya terhadap Kenton hingga detik Kenton memberitahu bahawa dia akan berkahwin dengan seseorang, pada mata Stevens terpancar kejutan dan kesyahduan, lidahnya dikelukan atas nama profesionalisme itu. Sebenarnya bukan tidak pernah Stevens terlanjur dengan kata-kata, tinggal lagi ia dihaluskan atau disaringkan, 'Awak tahu yang awak amat penting di rumah ini kan?' dan juga sekali semasa Kenton mengemas pejabat Stevens dan meletakkan bunga di dalam pasu, Stevens yang sebenarnya tak keruan berkata, dia tidak sukakan bunga tersebut, takut menjadi gangguan. Ia berkias antara bunga yang mengganggunya atau Kenton. Juga adegan yang meletakkan kedua-dua mereka dalam letak-duduk paling dekat sesama mereka apabila Kenton ingin mengetahui apakah buku yang dibaca oleh Stevens, dan Stevens berkeras tidak mahu menunjukkannya malah lari sampai ke penjuru bilik, dan dia terperangkap. Kenton terkejut tetapi tidak menghakimi Stevens yang membaca novel pop-asmara dan Stevens seperti biasa menafikan, dia membacanya untuk menambah-baik kosa kata. Dan sudah tentu babak ini penting kerana ia memberikan sedikit tanda kepada Kenton bahawa Stevens juga punya perasaan seperti manusia lain, tinggal lagi ia ditanam-pendam.

Kongres Amerika

Pada akhirnya, Stevens melepaskan Kenton bukan sahaja sebagai pekerja, tetapi juga sebagai seseorang yang dikasihinya. Walaupun sebenarnya, jauh di sudut hati, Kenton masih berharap yang Stevens akan melakukan sesuatu; menghalangnya? Berterus terang? Namun itu tidak berlaku. Bertahun-tahun kemudian, setelah Darlington Hall, rumah tempat mereka berdua pernah bekerja, dibuka semula dan dihuni oleh seorang mantan ahli Kongres Amerika, Stevens bertemu semula dengan Kenton dan cuba mengajaknya kembali bekerja di Darlington Hall. Ia sebenarnya adalah percubaan Stevens merenggut kembali nostalgia lamanya, tetapi dengan facade 'kerja' dan malang sekali, Kenton tidak dapat memenuhi hajat itu. Stevens menghantar Kenton masuk ke dalam bas dan di saat tangan mereka terlepas, Kenton menangis, meratap. Stevens masih di ingatannya, menghantunya, sebuah nostalgia yang tidak terlepaskan, walaupun cuba mencari penutupnya dalam pertemuan yang sekali lagi itu. Ia abadi walaupun tak termiliki. Saya sendiri musykil mengapa filem-filem asmara yang saya minati selalunya berakhir dengan tak termiliki. Mungkin kerana, filem-filem begini mengajarkan bahawa mengasihi bukanlah pada soal menawan dan memiliki, tetapi merasai dan mengikhlaskaninya. Seperti mana kita berbuat amal dan baik tanpa mengharap balas.

Cerpen, esei dan sajak boleh diikuti pada setiap minggu menerusi pautan selangorkini.my/category/renanca-bm/



PRIHATIN... Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim meninjau rumah terbakar di Kampung Manjoi, Ipoh, Perak pada 28 Julai. Selain mendengar penerangan bomba, beliau turut bertemu mangsa dan memberikan sumbangan bagi meringankan beban. Foto Facebook Anwar Ibrahim

Pergiat tangani kos sara hidup

Inflasi terkawal, ringgit kukuh

SHAH ALAM - Usaha menangani kos sara hidup bagi meringankan beban segenap lapisan rakyat dipergiat berikutan perkembangan ekonomi negara menunjukkan petanda positif.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan kadar inflasi terkawal pada tahap dua peratus manakala kadar pengangguran stabil pada paras 3.3 peratus, lapor Bernama.

Beliau memberitahu nilai ringgit juga kian mengukuh kebelakangan ini manakala pertumbuhan ekonomi pada suku kedua tahun ini diunjur berkembang pada kadar 5.8 peratus.

"Jika ditanya adakah saya puas hati? Saya tidak puas hati kerana kita masih hadapi masalah kos sara hidup di se-setengah tempat yang menekan kehidupan," katanya pada 26 Julai.

Anwar berkata kerajaan berusaha mencari penyelesaian terhadap isu kos sara hidup antaranya Sumbangan Tunai Rahmah (STR) kepada sembilan juta orang membabitkan peruntukan RM10 bilion.

Katanya, langkah kerajaan mengaji semula Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) untuk menaikkan gaji penjawat awam juga antara usaha bagi meringankan beban kos sara hidup.

"Oktober nanti kita muktamadkan sistem saraan baharu dengan menaik-

kan gaji penjawat awam dan harapan kita mereka akan melakukan tugas dengan lebih cekap.

"Kawalan dan pengawasan juga lebih keras, kerana kenaikan itu bukan kecil. Ia kenaikan paling tinggi dalam sejarah, lebih 15 peratus," katanya yang juga menteri kewangan.

Pada 24 Julai, ketua perangkawan negara berkata dampak perlaksanaan pelarasan subsidi diesel pada 10 Jun 2024 dilihat agak minimum apabila kadar inflasi Malaysia kekal 2.0 peratus bulan lalu.

Menurut Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, peningkatan inflasi pada Jun 2024 didorong oleh kenaikan bagi kumpulan utama restoran & perkhidmatan penginapan (3.3 peratus), perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (3.2 peratus), penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barang & perkhidmatan (2.8 peratus) dan makanan & minuman (2.0 peratus).

Beliau berkata inflasi pengangkutan meningkat 1.2 peratus pada Jun berbanding 0.9 peratus pada Mei tahun ini.

"Peningkatan ini disumbangkan oleh subkumpulan utama pengurusan peralatan pengangkutan persendirian yang meningkat kepada 1.7 peratus pada Jun 2024."

Kutuk pembunuhan pemimpin Hamas

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengutuk pembunuhan Ketua Biro Politik Hamas Ismail Haniyeh dan menyifatkan perbuatan itu tragik lagi kejam.

Beliau menyifatkan pembunuhan pada 30 Julai itu bertujuan menggagalkan runtingan yang berlangsung bagi mengakhiri kekejaman Israel di Gaza yang meragut lebih 40,000 nyawa.

"Mereka yang tiada sifat kemanusiaan sahaja tidak menyedari keperluan untuk meningkatkan tekanan terhadap rejim bidadar Zionis Israel bagi menghentikan pembantahan," katanya.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata Kerajaan Selangor mengcam sekeras-kerasnya pembunuhan almarhum dan menzahir ucapan takziah kepada umat Islam di Palestin.

"Tindakan kejam rejim Zionis ini adalah tindakan berterusan mereka melanggar hak asasi manusia, undang-undang antarabangsa terhadap umat Islam di Palestin," katanya.

Ismail Haniyeh yang berada di Tehran untuk hadir majlis angkat sumpah presiden baharu Iran Masoud Pezeshkian dibunuh dalam serangan dari udara kira-kira jam 2 pagi.

RESIDENSI SERAI @ Kundang, Rawang

SIAP DIBINA CCC BULAN SEPTEMBER 2024

• LOT BUMI PUTERA •

Luas Tanah Dari: **20' x 65'** Luas binaan dari: **1,959 kaki persegi**
22' x 65' **2,310 kaki persegi**

Berdekatan dengan **PASARAYA ECONSAVE**
(Akan dibuka awal tahun 2025)

4 Bilik Tidur + 3 Bilik Air

DARI: RM579,431 DAN KEATAS
(Tertakluk Kepada Termasuk Syarat)

PERCUMA:
1) Yuran Guaman & Duti Setem
2) Memorandum Pindahan (MOT)

Little Resources Sdn Bhd 20130101773 (1047606-H)
(Ahli SMD GROUP)
No.37, Jalan KPK 1/8, Kawasan Perindustrian Kundang, 48020 Rawang Selangor. Tel: 03-6034 5566

Hubungi Kami: 012 985 5573

Ferder Little Resources Sdn Bhd 20130101773 (1047606-H) • Pejabat Jalan No.37 Jalan KPK 1/8, Kawasan Perindustrian Kundang, 48020 Rawang Selangor, Malaysia • No. Lozen Perlepas: 302401-2027020261 • Tempat Ferder: 37, Jalan KPK 1/8, Rawang, Selangor • Nombor Telefon: 03-6034 5566 • E-mel: info@lrsdn.com.my • Taraf: Pemerintah • Taraf: Perolehan: 99 Tahun • Taraf: Tempat: pada 08/05/2025 • Beroperasi: Tahun Tujuh • Jenis Bangunan: Rumah Tinggi 3 Tingkat • Harga Jualan: Juru Ar: RM 724,470.00 (minimum) sehingga RM 1,077,431.00 (maximum) • Taraf: Jualan: Juru Ar: RM 724,470.00 (minimum) sehingga RM 1,077,431.00 (maximum) • Taraf: Umur: 37 Tahun • Sesuai: sesuai kepentingan Tanah dan Rumah Boleh Dipermaklum Sebagaimana Alamat dan Nama Rekod di Bawah • Ahli: REHDA

116 kes berkaitan strok haba

SHAH ALAM - Jumlah kes kumulatif penyakit berkaitan cuaca panas setakat 29 Julai meningkat kepada 116 kes berbanding 112 kes pada 23 Julai.

Laporan Agensi Pengurusan Bencana Negara yang memetik Kementerian Kesihatan memaklumkan 81 kes berpunca kelesuan haba, 27 kes strok haba dan lapan kes kejang haba, lapor Bernama.

Sebanyak 20 kes di Terengganu, Kedah (19), Johor (14), Pahang (14), Perak (11), Negeri Sembilan (10), Selangor (9), Sabah (7), Kelantan (4), Perlis (4), Kuala Lumpur (3) dan Pulau Pinang (1).

Permohonan MyKid dibuka semula

SHAH ALAM - Permohonan MyKid yang sebelum ini tertangguh sementara akibat kekurangan bekalan cip dibuka semula meliputi semua pejabat Jabatan Pendataran Negara (JPN) mulai 29 Julai.

Pemohon yang ada resit permohonan tetapi cetakannya ditangguh diminta membuat pengesahan di portal menerusi www.jpn.gov.my sebelum hadir membuat kutipan di pejabat JPN.

Menurut JPN, tempoh semakan antara 29 Julai hingga 31 Oktober tahun ini. Status permohonan terbatas jika melebihi tempoh itu dan permohonan baharu perlu dibuat.

Sebelum ini, pengeluaran MyKid untuk bayi baru lahir ditangguh enam bulan ekoran kekurangan bekalan mikrocip yang turut berlaku pada peringkat global sejak pandemik Covid-19 melanda.

RM6 juta untuk perkara koperasi

SHAH ALAM - Peruntukan RM6 juta disediakan kepada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) untuk meningkatkan kekuatan koperasi di seluruh negara, kata perdana menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu RM2 juta diselaraskan melalui dana Jualan Rahmah bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup untuk memperkasa organisasi itu.

"Kita ada perkampungan Madani yang ambil jawatankuasa masjid, persatuan belia dan wanita. Saya hendak masukkan koperasi dalam kelompok itu.

"Dalam program berkenaan, RM2 juta disalur Angkasa kepada koperasi di bawah," katanya dalam penutupan Kongres Koperasi Kebangsaan 2024 di ibu negara pada 26 Julai.

Katanya, RM1 juta pula peruntukan baharu bagi program Asean Cooperative sepanjang Kepengerusian Asean 2025 supaya gerakan koperasi menjadi antara agenda penting negara serantau tahun depan.

6 syarikat penerbangan di Subang

SUBANG - Enam syarikat penerbangan menyambung semula operasi di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAS) di sini menggunakan pesawat lorong tunggal mulai 1 Ogos.

Menurut Menteri Pengangkutan Anthony Loke, syarikat itu ialah FireFly, AirAsia Malaysia, Batik Air Malaysia, SKS Airways, Transnusa, dan Scoot Pte Ltd, lapor Bernama.

Katanya, pesawat pertama beroperasi

di situ ialah Batik Air Malaysia yang dijadual berlepas pada 1 Ogos ke Pulau Pinang dan ketibaan penerbangan Transnusa dari Jakarta pada hari sama.

Beliau menjelaskan operasi itu hanya dibuat antara 6 pagi hingga 10 malam sahaja tanpa penerbangan tengah malam berikutan lokasi berkenaan terletak di kawasan perumahan.

Operasi pesawat lorong tunggal di Lapangan Terbang Subang disambung

semula selepas semua pesawat jet dipindahkan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 2002.

Beliau berkata lapangan itu ada keterbatasan dalam mengendalikan pesawat yang menggunakan kipas seperti turboprop, helikopter, pesawat ringan, pesawat tentera dan jet perniagaan.

LTSAS akan diubah menjadi hab perniagaan serantau dengan kapasiti maksimum tahunan lapan juta penumpang.

Dasar Peluang Kedua

Pelepasan muflis 142,510 individu

SHAH ALAM - Sebanyak 142,510 pelepasan muflis dibuat melalui Dasar Peluang Kedua, mengatasi sasaran awal 130,000 kes, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau yang juga menteri kewangan tidak menolak status tersebut akibat situasi ekonomi buruk seperti pandemik Covid-19 selain kesilapan individu terutama peniaga, lapor Bernama.

"Tetapi tanggungjawab kita untuk merangsang ekonomi dan memberi peluang (kedua) kepada mereka," katanya dalam Sambutan 100 tahun Ja-

batan Insolvensi Malaysia di Putrajaya pada 25 Julai.

Dalam Belanjawan Madani 2024, Anwar memperkenal Dasar Peluang Kedua bagi individu yang diisyithar muflis untuk diberi peluang dengan sasaran pelepasan 130,000 orang.

Menegaskan belum ada mana-mana pentadbiran kerajaan menyelesaikan isu muflis dalam skala besar, Anwar juga mengingatkan orang ramai supaya tidak mengulangi kesilapan sama.

"Fahami peluang yang disediakan

oleh kerajaan melalui rangkaian jabatan dan kementerian yang pelbagai seperti Tekun, Mara atau PUNB," kata beliau lagi.

Perdana menteri juga memuji Jabatan Insolvensi Malaysia yang membawa perubahan termasuk dalam perubahan insolvensi.

"Bayangkan dalam setahun, jabatan ini menunjukkan kecekapan mereka melepaskan lebih 140,000 orang lebih dari kemufusan, maknanya 140,000 keluarga saudara-saudari selamatkan," katanya.

Banci 37,550 rumah mulai 15 Julai

SHAH ALAM - Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LP-PKN) membuat Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Keenam melibatkan 37,550 rumah antara 15 Julai hingga 31 Disember.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarganya Ahmad Hashimi Mohammad berkata kajian itu bertujuan mengumpul data untuk membangunkan dasar dan program kepada rakyat.

"Kajian ini perlu dibuat setiap 10

tahun bagi membuat perbandingan pembangunan keluarga Malaysia sejak 50 tahun lalu," katanya dalam program Hai Selangor kendalian Media Selangor.

Beliau memberitahu semua maklumat tersebut untuk memudahkan kerajaan bagi membangunkan dasar, inisiatif dan program untuk pelbagai lapisan masyarakat.

"Kajian ini untuk mengumpul data siri masa dari 1974 sehingga kali ke-6, data siri masa boleh bandingkan antara keluarga 1974 hingga 2024, kita boleh

lihat evolusi itu sendiri," katanya.

Lima kategori disasar iaitu wanita pernah kahwin berusia 15 hingga 59 tahun, lelaki pernah kahwin (15 hingga 59 tahun), remaja pernah kahwin (13 hingga 24 tahun), penduduk bujang (25 hingga 59 tahun) dan warga emas berusia 60 tahun ke atas.

Ahmad Hashimi memohon kerjasama orang ramai memandangkan tembus setiap responden terpilih mengambil masa antara 45 minit hingga sejam.

Lesen media sosial tahun depan

SHAH ALAM - Semua perkhidmatan media sosial dan perkhidmatan pesanan internet yang ada sekurang-kurangnya lapan juta pengguna berdaftar di Malaysia perlu memohon lesen.

Menurut Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Lesen Kelas Pemberian Perkhidmatan Aplikasi diperkenal pada 1 Ogos dan berkuat kuasa 1 Januari tahun depan, lapor Bernama.

"Kerangka kawal selia baharu ini ha-

nya terpakai kepada platform yang memenuhi syarat kelayakan pelesenan dan tidak melibatkan pengguna," kata kenyataan pada 27 Julai.

SKMM mengingatkan kegagalan memperoleh lesen sedemikian suatu kesalahan dan tindakan boleh diambil berdasarkan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).

Kenyataan sama menyebut langkah berkenaan bertujuan memerangi peningkatan kes jenayah siber termasuk

penipuan dalam talian, buli siber dan jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

"Langkah ini bakal mewujudkan ekosistem dalam talian lebih selamat serta pengalaman yang lebih baik untuk pengguna terutama kanak-kanak dan seisi keluarga," kata SKMM lagi.

Sebelum ini, perkhidmatan media sosial dan pesanan internet dikecualikan dari peraturan pelesenan berdasarkan Perintah Komunikasi dan Multimedia (Pelesenan) (Pengecualian) 2000.



CERIA... Datuk Bandar Petaling Jaya Mohamad Zahri Samingon mempamer pingat larian PJ Half Marathon 2024 yang bakal disertai 8,000 peserta di ibu pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada 29 Julai. Turut hadir Timbalan Datuk Bandar Aznan Hassan (dua, kiri), Pengarah Pembangunan Masyarakat MBPJ Mohamad Rosnani Hamid (kiri) dan Pengarah Puncak Ventures Zainudin Lot (kanan). Foto Facebook Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Projek rintis di PJ, Shah Alam

Rumah mesra warga emas di bandar

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) mahu membina lebih banyak rumah mesra warga emas di bandar demi menjaga kebaikan golongan itu, kata ketua pegawai eksekutif kumpulannya.

Menurut Dato' Mahmud Abbas, pembinaan di Petaling Jaya dan Seksyen 13, Shah Alam bakal menjadi projek rintis selain mencapai matlamat baharu syari-kat selepas 60 tahun ditubuh.

"Kita mahu pembaharuan selepas melihat usaha selama ini. Usia rakyat

kian meningkat dan kita mahu menuhi keperluan dan kehendak mereka. Kita mahu kebajikan mereka lebih selesa.

"Kita bina penempatan khas untuk mereka. Di Seksyen 13, projek dibina bersebelahan hospital untuk memudahkan warga emas dapat rawatan," katanya pada 24 Julai.

Pada Mac, EXCO Pembangunan Keluarga Anfaal Saari memaklumkan pihak berkuasa tempatan akan bekerjasama dengan PKNS dan Selgate Corporation untuk membangunkan rumah jagaan warga emas, sebahagian matlamat Rancangan Selangor Pertama.

RM4 bilion bangunkan dua bandar

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) melabur hampir RM4 bilion untuk membangunkan perbandaran baharu iaitu Selangor Cyber Valley (SCV) di Cyberjaya dan Siera Alam, Setia Alam.

Ketua Pegawai Eksekutif kumpulan Dato' Mahmud Abbas menjelaskan projek kediaman tersebut dijangka lengkap sepenuhnya dalam tempoh 10 tahun secara berperingkat melibatkan pelaburan RM2 bilion.

"Projek tersebut bagi membina rumah pelbagai jenis antaranya teres, semi D

dan rumah bandar. Kawasan ini lengkap dengan kemudahan seperti sekolah, pasar raya serta pelbagai lagi.

"Ini dapat menarik lebih ramai pembeli sekali gus menggalakkan perbandaran itu," katanya pada 24 Julai sambil menyatakan penjualan 226 unit jenis rumah bandar di Aludra, SCV berharga hampir RM500,000 dilancarkan minggu lalu.

Mahmud memberitahu PKNS juga bakal membina hotel mewah dan kondominium dalam pembangunan projek SA Central di bandar raya ini.

"Kita juga rancang bina pusat pameran

Mahmud memberitahu PKNS juga mahu menjana pelaburan dengan membina asrama warga asing sekali gus menarik pelaburan syarikat tempatan atau luar negara hasil pengalaman berdepan pandemik.

"Kerajaan Negeri sarankan supaya ada tempat khas industri. Jadi kita akan bina lebih banyak kemudahan seperti ini dan ia lengkap dengan keperluan selain menjamin keselesaan."

"Ini akan tarik lebih banyak pelaburan kerana ia menepati keperluan antarabangsa. Bukan hanya kediaman tetapi ada tempat rekreasi, dapur dan ruang mendobi untuk pekerja," katanya.

yang dijalankan bersama beberapa pihak supaya tidak perlu mengeluarkan kos tinggi, namun memberi pulangan lebih.

"SA Central akan dilengkapi keperluan sosial antaranya pusat beli-belah, dekat dengan tempat rekreasi (Tasik Shah Alam), masjid negeri, klinik, perpustakaan, pejabat. Ini menampung keperluan dalam bandar," katanya.

Sebelum ini, Mahmud memaklumkan Projek SA Central melibatkan peremajaan beberapa bangunan sedia ada di bandar ini bakal menjadi kawasan segi tiga emas yang memacu ekonomi negeri.

Terima 8,000 maklum balas

SEPANG - Hampir 8,000 bantahan kadar cukai taksiran baharu diterima Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) sehingga tarikh tutup permohonan pada 25 Julai.

Yang Dipertua Dato' Abd Hamid Hussain menjelaskan sesi pendengaran bantahan berperingkat diadakan selama tujuh hari mulai 14 Ogos dan dijangka sele-sai sepenuhnya pada awal September.

"Dengan adanya nilai baharu, kita dapat mempertingkat kemudahan prasarana awam berbanding sebelum ini perkhidmatan sedemikian terpaksa diberi secara minimum.

"Malah, kenaikan ini dijangka menampung kenaikan peningkatan kos kerja pembersihan yang kian naik sekali gus mengekalkan prestasi penyelenggaraan yang dibuat," katanya pada 26 Julai.

Selenggara 940 pokok berisiko

SEPANG - Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) giat menjalankan kerja memotong dan memangkas 940 pokok yang dikenal pasti berisiko meliputi tiga zon kawasan seliaannya sejak Februari.

Yang Dipertua Dato' Abd Hamid Hussain memaklumkan tiga zon berkenaan adalah Cyberjaya babitkan 390 pokok, Puchong (448) dan Sepang Putra (102).

"Setakat ini, sekitar 40 peratus daripadanya selesai dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Disember. Kerja pemangkasan ini melibatkan pokok berusia lebih 20 tahun dan berisiko.

"Kos pelaksanaan agak tinggi iaitu bagi kerja menebang dianggar bernilai RM8,000 hingga RM10,000 sebatang manakala memangkas pula RM3,000 hingga RM5,000," katanya pada 26 Julai.

Tunda kenderaan berat ganggu trafik

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) menunda kenderaan berat yang diparkir di kawasan tumpuan awam dan kawasan perumahan, kata pengarah komunikasi korporatnya.

Norfiza Mahfiz menjelaskan penguatkuasaan tersebut giat dijalankan pada bulan ini berikutan MBDK menerima banyak aduan daripada penduduk.

"Tindakan ini untuk mendidik pengguna lalu lintas terutama pengusaha atau pemilik kenderaan berat agar lebih berdisiplin mematuhi undang-undang," katanya dalam kenyataan baru-baru ini.

Beliau juga menjelaskan kewujudan Pelabuhan Utara, Pelabuhan Selatan dan Pelabuhan Barat antara faktor penyumbang kemasukan kenderaan berat yang banyak pada setiap hari.

Sebarang maklumat atau pertanyaan hubungi talian 1-800-88-23826 atau pejabat Jabatan Penguatkuasa MBDK 03-3374 8845.

Galak agensi pasang sistem solar

SHAH ALAM - Jabatan kerajaan dan seluruh agensi negeri digalak untuk memasang sistem solar di premis atau bangunan masing-masing, kata EXCO Alam Sekitar Jamaliah Jamaluddin.

Beliau memberitahu usaha yang sebelum ini tertumpu kepada pejabat daerah dan tanah serta pihak berkuasa tempatan memberdaya teknologi hijau dan mengurangkan kos penggunaan tenaga.

"Sekiranya kita mahu memupuk kesedaran orang ramai, perkara paling penting kita (agensi kerajaan) laksanakan dahulu membuktikan inisiatif ini membawa manfaat," katanya.

Sebelum itu, beliau menyaksikan majlis menandatangani perjanjian solar antara Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) bersama Tenaga Nasional Berhad dan GSPARX Sdn Bhd di sini pada 25 Julai.

Majlis itu disempurnakan Pengarah Jais Dato' Mohd Shahzihan Ahmad, Ketua Retail Negeri (Selangor) TNB Berhad Ir Ahmad Barodi Che Noh dan Pengarah Urusan GSPARX Sdn Bhd Elmie Fairul Mabsuri.

Panduan tauliah penyembelihan

SABAK BERNAM - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) giat menyediakan garis panduan tauliah penyembelihan ternakan sekali gus mengekang kecenderungan peniaga mengupah warga asing.

EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah menjelaskan draf pertama garis panduan berkenaan dijangka dibentang pada September sebelum peraturan itu dikuat kuasa mulai tahun depan.

Beliau memberitahu keutamaan diberi

kepada orang tempatan selain bertujuan mengawal penyembelihan komersial kerana tauliah diperlukan untuk kerja sembelihan.

"Ini membuat masyarakat rasa yakin. Kita serius dalam isu keterjaminan halal," katanya ketika merasmikan kursus pemprosesan daging di Kolej Komuniti Sabak Bernam di sini pada 22 Julai.

Dalam majlis tersebut, Dr Mohammad Fahmi menyaksikan sesi tandatangan su-

rat hasrat kursus sembelihan selama dua minggu antara Kolej Komuniti Sabak Bernam, TalenTac dan Zaha Butchery.

Pada Mac, Dewan Negeri Selangor meluluskan Rang Undang-undang (RUU) berkaitan peraturan berkaitan perakuan orang yang layak melakukan sembelihan halal atau yang layak membuat sertu.

RUU berkenaan juga menggariskan kuasa untuk menentukan orang yang layak untuk melakukan sembelihan.

Anjur program setiap daerah

Bantu Orang Asli mualaf kahwin

Oleh SOFIA NASIR

KUALA LANGAT - Seramai 11 pasangan saudara baharu Islam daripada suku kaum Temuan dan Mah Meri dirai dalam program Raikan Cinta Orang Asal Daerah Kuala Langat 2024, baru-baru ini.

Majlis anjuran Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) itu meriah dengan kehadiran lebih 100 ahli keluarga dan rakan pasangan terbabit di Kompleks Islam Daerah Kuala Langat di sini. Ketua Penolong

Pengarah Bahagian Undang-Undang Keluarga Jais Dr Amru Alhaz Adnan berkata Kuala Langat dipilih projek rintis bagi membantu urusan perkahwinan masyarakat Orang Asal.

"Saya melihat majlis ini sebagai program yang amat baik kerana membantu dan memudahkan masyarakat yang kurang berkelebihan khususnya Orang Asal yang baharu memeluk Islam.

"Ini program pertama Jais dan selepas ini kami akan adakan program sama di setiap daerah bagi membantu Orang Asal mendirikan rumah tangga sekali gus menyebarkan dakwah," katanya.

Proses pernikahan disempurnakan

pegawai hal ehwal Islam Pejabat Agama Daerah Kuala Langat kira-kira jam 9 pagi sebelum dibawa berarak kira-kira 50 meter ke dewan persandingan.

Pengantin Siti Zahara Saimon, 26, tidak menyangka dapat mendirikan rumah tangga bersama sahabatnya Nur Zalina Goh Kim San, 25, yang dikenali sejak berumur tujuh tahun.

"Semasa tahu mengenai program ini, saya maklumkan pada Nur Zalina dan kemudiannya beliau bersetuju dan kami terus melakukan urusan persiapan perkahwinan."

"Ini pengalaman manis kami berdua dan kami juga tidak menyangka akan diraikan dalam majlis besar-besaran seperti ini," kata anak kelahiran Kampung Sungai Bumbu Pulau Carey.

Buku dwibahasa jadi pilihan

SHAH ALAM - Bahan bacaan kanak-kanak dwibahasa yang dilengkapi tulisan jawi antara tarikan di Pesta Buku Kanak-Kanak Selangor 2024 di Kompleks PKNS di sini.

Eksekutif Jualan Shadani Book Sale Shaik Syaheer Shaik Daud memberitahu bahagian berkaitan abjad, nombor dan haiwan itu laris kerana ia mudah dibaca dan difahami.

"Sebagai pembekal buku, kita bawa bahan yang menarik perhatian dan buku dilengkapi dua bahasa serta mempunyai tulisan jawi menjadi tumpuan ibu bapa. "Buku kisah nabi, panduan so-

lat, mencari perkataan laris. Selain itu, harga ditawarkan di sini istimewa kerana murah dan ada diskaun sehingga 50 peratus," katanya pada 28 Julai.

Presiden Persatuan Penerbit Buku Malaysia (Mabopa) Sheikh Faisal Sheikh Mansor pula menyifatkan penganjuran itu ruang terbaik kepada penerbit untuk mempromosi buku.

"Ini peluang untuk ketengahkan buku yang bagus dan beri manfaat kepada kanak-kanak. Bukan itu sahaja, inisiatif penganjuran mewujudkan

zon komik bertepatan dengan trend terkini.

"Untuk masa depan, penerbit dan penulis perlu lebih banyak hasilkan bahan bersesuaian peredaran zaman selain menda-lami jiwa kanak-kanak," katanya.

Lebih 80,000 pengunjung memeriahkan Pesta Buku Kanak-Kanak Selangor 2024 sepanjang lima hari penganjuran sejak 24 Julai.

Karnival kali ini menumpukan program untuk mengangkat karya penu-lis komik selain membuat ruangan ilustrasi kepada kanak-kanak meluahkan bakat mereka.



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

BIL.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000019197	MAINTENANCE AND SERVICING WORKS FOR MOTORIZED OVERHEAD CRANE (PACKAGE 2 – PRODUCTION)
2.	PN0000019195	SUPPLY AND DELIVERY OF PORTABLE MULTIPARAMETER SONDE AND MAINTENANCE WORK FOR 3 YEARS FOR CATCHMENTS AND WATERWAYS SURVEILLANCE UNIT
3.	PN0000019183	MAINTENANCE AND SERVICING WORKS OF UNFIRED VESSEL AND AIR COMPRESSOR SYSTEM (PACKAGE 1 – DISTRIBUTION)
4.	PN0000019184	MAINTENANCE AND SERVICING WORKS OF UNFIRED VESSEL AND AIR COMPRESSOR SYSTEM (PACKAGE 2 – PRODUCTION)
5.	PN0000019178	REPLACE TWO (2) UNITS OF PASSENGER LIFT AT AIR SELANGOR HEADQUARTERS BUILDING
6.	PN0000019220	SCADA ENHANCEMENT AND CYBERSECURITY IMPLEMENTATION AT BERNAM RIVER HEADWORK (BRH), BUKIT NANAS, SG. SIREH AND SG. GOMBAK WATER TREATMENT PLANTS (PACAKGE 3)
7.	PN0000019038	SUPPLY AND INSTALL OF NEW RAW WATER PUMP AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT SUNGAI SELISEK WATER TREATMENT PLANT
8.	PN0000019111	CONSTRUCTION OF NEW STOREROOM, UPGRADING OF THE EXISTING MEETING ROOM, STOREROOM, CHEMICAL STORAGE FACILITY AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT NORTH HUMMOCK WATER TREATMENT PLANT
9.	PN0000019208	REPLACEMENT AND UPGRADE OF GENERATOR CONTROL/ALARM PANEL (GC/AP) AND OTHER ASSOCIATED WORKS FOR GENERATOR PLANT AT INTAKE PLANT FOR SG. SELANGOR PHASE 2 WATER TREATMENT PLANT
10.	PN0000019250	SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF NEW MECHANICAL SCREEN, ADDITIONAL RIVER TRASH TRAP, CONSTRUCTION OF NEW BOOSTER PUMPING STATION WITH TWO (2) UNITS OF BOOSTER PUMP SETS AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT LABOHAN DAGANG INTAKE PLANT
11.	PN0000018905-2	MAINTENANCE, WARRANTY SUPPORT AND SUPPLY OF ACCESSORIES FOR METER READING DEVICES
12.	PN0000019232	PROPOSED REHABILITATION AND REFURBISHMENT OF EXISTING LEAKING AND UNUSED RESERVOIR AND PUMP HOUSE FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD YEAR 2024: PACKAGE 11B

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> or <https://tender.airselangor.com>



SOKONG... Datuk Bandar Shah Alam Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim (tiga, kiri) dan pemangku timbalannya Madiyan Baweh (dua, kiri) menyampaikan sumbangan kepada wakil Persatuan Bola Tampar Selangor dalam Majlis Penyerahan Barang Sukan Kepada Sukan Angkat di ibu pejabat Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) pada 30 Julai. Persatuan Taekwondo dan Gimnastik negeri turut menerima bantuan sama sempena Sukan Malaysia di Sarawak. Foto Facebook Majlis Sukan Negeri Selangor

Selangor tuan rumah SUKMA 2026

Perkasa sukan dan pelancongan

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Peluang terpilih sebagai tuan rumah Sukan Malaysia (SUKMA) 2026 menjadi kesempatan terbaik buat Selangor memperkasakan lagi pelancongan sukan.

EXCO Sukan Najwan Halimi berka-ta pengaturan semula temasya berkenaan selepas 28 tahun juga selari dengan tekad Kerajaan Negeri untuk mengangkat prestasi sukan serta atlet.

"Kali terakhir Selangor menjadi tuan rumah adalah pada 1998. Dalam tempoh 28 tahun itu, kita melihat Selangor dalam proses untuk angkat semula prestasi dan keupayaan atlet kita.

"Di samping itu, kita mahu menjadikan pelancongan sukan sebagai agenda penting kerana Selangor memiliki hampir semua kemudahan sukan bertaraf antarabangsa," katanya pada 23 Julai.

Najwan juga berharap SUKMA 2026

dapat diadakan di Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) sekiranya proses pembinaan berjalan lancar mengikut jadual.

Menurutnya, kejohanan dwitahunan itu dijangka mempertaruh 28 acara teras yang akan diumum kelak.

"Ini ruang untuk Kerajaan Negeri perbaiki kemudahan sukan di seluruh negeri, bukan sahaja untuk kegunaan atlet tetapi juga persiapan SUKMA akan datang.

"Kita berharap KSSA dapat disiapkan mengikut jadual. Kalau dapat disempurnakan dengan baik, kita akan jadikan ia lokasi utama bagi acara perasmian SUKMA dan sebagainya," katanya.

Pada 18 Julai, Majlis Sukan Negara memaklumkan Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia memutuskan Selangor dipilih sebagai tuan rumah SUKMA 2026.

Pada SUKMA 1998, Selangor menganjurkan 24 acara yang menyaksikan negeri dinobatkan juara keseluruhan dalam temasya edisi ketujuh itu.



KERAJANAN NEGERI SELANGOR
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/perkhidmatan berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TAWARAN	NOMBOR TENDER TAJUK PROJEK	TARAF	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT & TARikh DOKUMEN MULAI DIJUAL	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER TUTUP
Bhg. Pengurusan Banjir, JPS Negeri Selangor	JPS/N/SEL/BPB03/2024 (PP)	Terbuka	<p>Syarat Mandatori:-</p> <ol style="list-style-type: none"> Firma berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang 330101 (Kej. Awam) dan tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan masih sah; Firma berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (Firma terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara Online di web https://tender.selangor.my/ dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS) sebelum membeli dokumen tender); Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlaku dan ditandakan "Cadangan Teknikal" dan "Cadangan Kos" di sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan dan dialamatkan kepada: Peti Tender, JPS Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor; Tiada sesi taklimat dan lawatan tapak akan dilaksanakan. Firma digalakkan membuat lawatan tapak sendiri dengan berbandarkan koordinat yang diberikan Pembelian dokumen tawaran secara Online di laman web https://tender.selangor.my/. Firma dikehendaki melampirkan salinan resit asal bayaran. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. <p>01st OGOS 2024 hingga 04th SEPTEMBER 2024</p>	<p>Pembelian dokumen tawaran secara Online di laman web https://tender.selangor.my/. Syarikat dikehendaki melampirkan salinan resit asal bayaran. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen.</p>	RM 100.00	<p>Peti Tender: Bhg. Urusan Bahan & Kontrak JPS Selangor, Tkt. 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor</p> <p>04th SEPTEMBER 2024 (RABU) Jam 12.00 tengahari</p>

Cadangan Teknikal hendaklah dihantar dalam sampul surat berlaku dan ditandakan "Cadangan Teknikal" dan "Cadangan Kos" di sebelah kiri sampul surat berkenaan dan dialamatkan seperti di atas tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tender (04 September 2024). Dokumen Cadangan Teknikal yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

Skuad e-Racing buru tiga emas

SHAH ALAM - Pasukan pelumba maya (e-Racing) Selangor giat memperhebat latihan dalam misi memburu tiga pingat emas yang ditawarkan dalam Sukan Malaysia (SUKMA) di Sarawak bermula 17 Ogos.

Jurulatihnya Ahmad Akmal Fitri berkata semua atlet terlibat perlu membiasakan diri dengan tiga kategori pertandingan iaitu perlumbaan perseorangan, catatan masa dan perlumbaan dua pasukan.

Beliau menjangkakan cabaran getir menanti anak buahnya terutamanya dari Sarawak, Perak dan Kedah, lapor Bernama.

"Atlet kita masih lagi baharu dalam permainan RaceRoom ini...mereka memang biasa bermain permainan lumba tetapi platform yang berbeza iaitu Gran Turismo dan Super Formula Championship jadi mekanisme permainan itu berlainan.

"Setakat ini kalau kita tengok kedudukan mereka dalam permainan ketika latihan untuk perlumbaan perseorangan dan catatan masa, mereka dapat menaungi 10 terbaik," katanya pada 27 Julai.

E-Racing merupakan satu acara e-sukan pada temasya dwitahunan yang menawarkan keseluruhan 21 pingat emas.

Ahmad Akmal Fitri berkata walaupun ditaris muka baharu, beliau yakin anak didiknya mampu memberikan saingan sengit kepada negeri lain yang mempertaruhkan pemain lebih berpengalaman.



MOHD KAMRI KAMARUDDIN
Bukit Antarabangsa

menghadiri kejohanan pingpong bersama penduduk di Ampang Jaya



LIM YI WEI
Kampung Tunku

menyertai program penggayaan sari di Petaling Jaya



ABBAS AZMI
Seri Serdang

bersama peserta pertandingan silat di Stadium Tertutup Serdang Jaya, Subang Jaya



DATUK JOHAN ABD AZIZ
Dusun Tua

merasmikan kejohanan bola sepak 9 sebelah di DUN beliau



PUA PEI LING
Bukit Lanjan

mengedarkan bubur lambuk di Pangsapuri Flora Damansara, Petaling Jaya



CHEONG KIAN YOUNG
Kajang

bertemu peserta kelas masakan di Taman Seri Jelok, Hulu Langat



DANIAL AL-RASHID
Batu Tiga

memeriahkan Majlis Graduasi ANIS di Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam



PANG SOCK TAO
Kuala Kubu Bharu

meninjau kerja naik taraf Pasar Awam Rasa di Hulu Selangor

Tangani obesiti di rumah pangsa

SABAK BERNAM - Kerajaan Negeri berhasrat melancarkan kembali program SLIM Selangor bagi memupuk amalan gaya hidup sihat dan mengurangkan obesiti dalam kalangan rakyat.

EXCO Kesihatan Awam Jumlah Jamaluddin menjelaskan mekanisme pelaksanaannya sedikit berbeza berbanding sebelum ini yang hanya tertumpu kepada kelompok penjawat awam.

"Kali ini kita tumpu di pangaspuri



atau rumah pangsa sekitar Selangor, lebih kepada zumba dan senamrobik sebagai projek rintis. Dalam tempoh sebulan dua ini, ia dilaksanakan.

"Sasarannya penduduk setempat bagi menggalakkan gaya hidup sihat," katanya ketika merasmikan Karnival 3S (Santai, Sihat, Sejahtera) di Pengkalan Sabak di sini pada 27 Julai.

Mula diperkenal pada April 2019, SLIM Selangor pada masa tersebut

menumpukan penjawat awam untuk mengamalkan gaya hidup sihat bagi mencapai berat badan ideal.

Lebih 500 pengunjung memeriahkan karnival anjuran Majlis Daerah Sabak Bernam dan PKS, Kelab Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam Selangor dan Jabatan Psikiatri Hospital Al Sultan Abdullah UiTM Puncak Alam.

Program itu juga menawarkan khidmat kaunseling psikologi percuma kepada penjawat awam bagi memastikan kesihatan fizikal dan mental pada tahap baik.

50 orang sertai kursus keselamatan

Didik penduduk bantuan kecemasan

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL

SHAH ALAM - Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri Bukit Gasing menganjur kursus bantuan kecemasan untuk kali keempat di Dewan Serbaguna Gasing Indah, Petaling Jaya.

Wakil rakyatnya Rajiv Rishyakaran memberitahu lebih 50 peserta menyertai kursus berkenaan yang bertujuan mendidik masyarakat untuk memberi bantuan kecemasan pada waktu kritis.

Katanya, kursus meliputi bantuan pernafasan (CPR) dan penggunaan pe-

ranti defibrillator luaran automatik (AED) diadakan bagi memberi bantuan jika ahli keluarga berdepan situasi tertentu.

"Apabila kita dapat beri bantuan kecemasan awal, nyawa mereka mungkin boleh diselamatkan sementara menunggu ambulans tiba dan mendapat rawatan pakar," katanya pada 28 Julai.

Rajiv turut mencadangkan Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan sokongan Kerajaan Negeri melaksanakan dasar menggalakkan ketersediaan AED

yang boleh diakses di semua ruang awam.

"Sekiranya boleh diakses ia dapat digunakan untuk merawat mangsa yang mengalami pemberhentian jantung secara tiba-tiba dan digunakan mangsa yang tidak sedarkan diri."

"Kami syorkan penubuhan program untuk penduduk menerima latihan sesuai dan mewujudkan pelan tindak balas kecemasan henti jantung mengejut yang boleh dikongsi dengan penduduk," katanya.



SMAP Kajang juara debat Piala Speaker

SHAH ALAM - Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Kajang menujuri pertandingan Debat Darul Ehsan Piala Tuan Speaker Dewan Negeri Selangor 2024.

Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS) pula muncul sebagai naib juara dalam program julung kali di bangunan pentadbiran negeri di sini pada 25 Julai.

Wakil SMAP Kajang Ameen Luqman Norhanizan yang membawa usul Dewan Ini Percaya Iltizam Selangor Pen-

yayang: Mesra Belia Selangor terpilih sebagai pembahas terbaik pertandingan akhir.

Dianggotai lima pelajar lelaki, pasukan sekolah berkenaan membawa pulang piala pusingan, trofi dan hadiah jersi Selangor FC yang ditaja wakil rakyat Batu Tiga Danial Al-Rashid.

Speaker Lau Weng San turut memuji penggunaan bahasa Melayu yang dilontar pembahas dan berharap ia dicontohi wakil rakyat pada sidang Dewan Negeri

Selangor (DNS) akan datang.

"Saya mengikut dan mendengar secara terperinci, betapa pintarnya pembahas ini. Sebagai Speaker, banyak yang kita dapat belajar daripada mereka."

"Ini termasuklah penggunaan bahasa Melayu, frasa, pantun, dan mungkin akan kedengaran pada sidang akan datang," katanya menyampaikan ucapan dalam majlis penutupan pertandingan itu.

PPAS perkenal BA.CA Basikal Buku

SHAH ALAM - Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) melancarkan perpustakaan bergerak, BA.CA Basikal Buku bagi meluaskan capaian perkhidmatannya khususnya kalangan luar bandar.

Menurut Ketua Bahagian Korporat Zafrullah Aris, kemudahan itu bertujuan menggalakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat dan capaian bahan bacaan dengan lebih mudah.

Beliau menjelaskan BA.CA bersifat sebagai perpustakaan bergerak dalam skala kecil yang menggunakan basikal untuk capaian di kawasan yang tidak ada ruang besar mulai Ogos.

"Konsepnya sama, bergerak mengikut jadual dan pengguna boleh meminjam bahan bacaan," katanya selepas pelancaran yang disempurnakan EXCO Belia Najwan Halimi di sini pada 25 Julai.

Zafrullah berkata PPAS juga akan bekerjasama dengan pihak berkuala tempatan (PBT) untuk membawa perkhidmatan BA.CA Basikal Buku ke program Hari Tanpa Kenderaan setiap bulan.

"Setakat ini, kita ada tiga basikal dan sedia digerakkan ke lokasi yang dikenal pasti. Jika mendapat sambutan, kita pertimbang untuk memperluas lagi perkhidmatan ini," katanya.

Temui peniaga medan selera terbakar

SHAH ALAM - Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Hulu Kelang meninjau Medan Selera AU5 Lembah Keramat, Gombak yang terbakar pada 27 Julai selain menyantuni peniaga terjejas.

Bersimpati terhadap mangsa, Juwairiya Zulkifli berkata beliau akan menyusuli rapat insiden yang memusnahkan 12 lot gerai itu bagi membantu peniaga berkenaan.

"Saya telah memaklumkan kepada Dato' Menteri Besar (Dato' Seri Amirudin Shari) se-laku ahli parliment kawasan dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Dr Ani Ahmad.

"MPAJ akan mengenal pasti lokasi tapak niaga sementara untuk mereka di samping tidak mengenakan sewa kepada peniaga dalam tempoh tersebut," katanya di Facebook.

Juwairiya turut meninjau tapak kejadian kebakaran yang dikatakan berpunca akibat kebocoran gas di salah satu lot sehingga memusnahkan 80 peratus premis.

RM45,000 baik pulih bangunan sekolah

SHAH ALAM - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) menghulur sumbangan wakaf fisabilillah berjumlah RM45,000 kepada Sekolah Rendah Agama Harmoni Taman Ria, Kuala Selangor.

Sumbangan baik pulih dan naik taraf bangunan sekolah berkenaan diserahkan Pegawai Unit Kutipan dan Agihan Bahagian Korporat Muhammad Suffian Assauri Omar pada 26 Julai.

"Sesi penerangan wakaf tunai turut disampaikan Muhammad Suffian bagi menyebarkan luas dakwah, kefahaman dan kesedaran serta hikmah dan fadhilat berwakaf kepada guru," menurut PWS.

Perbadanan berkenaan juga membuka kaunter bagi memberi peluang kepada guru untuk berwakaf melalui potongan gaji dan secara tunai terus.

Bantu asnaf riqab berhijrah

SHAH ALAM - Seramai 90 asnaf riqab menyertai program Mahrajan Komuniti Hijrah Madani anjuran Majlis Agama Islam Selangor (Mais) antara 19 hingga 21 Julai.

Pengerusinya Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof memberitahu rata-rata peserta pernah terlibat dalam kes lesbian, gay, biseksual dan transgender.

Menurutnya, program di Hotel Seri Malaysia Bagan Lalang itu bertujuan memberi kesedaran kerohanian kepada mereka sekali gus mendidik akan hakikat sebenar sebagai hamba Allah.

"Semoga usaha murni ini kekal bagi memastikan asnaf riqab menjalani proses pemulihan dan diharap ia dapat memberi kesan yang positif dalam diri mereka," katanya dalam kenyataan.

selangorkini

Sertai saringan percuma 3 Ogos

SHAH ALAM - Orang ramai dipelawa menyertai program Selangor Saring di Dewan Serbaguna MBPJ SS3, Petaling Jaya pada 3 Ogos mulai 8 pagi hingga 2 petang.

EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jama-Iuddin berkata saringan percuma peringkat Dewan Undangan Negeri Kampung Tunku itu menyediakan ujian seperti jantung, buah pinggang, kencing manis, darah tinggi, barah, telinga dan gigi.

"Ambil peluang ini untuk melakukan saringan kesihatan percuma. Hubungi Selcare di talian 1-800-22-6600 jika ada masalah pendaftaran," katanya di Facebook.

Beliau menyarankan orang ramai mendaftar program Selangor Saring melalui aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah).

32 pasukan rebut Piala Raja Muda

SHAH ALAM - Sebanyak 32 pasukan dari sekolah kebangsaan dan menengah menyertai Kejohanan Piala Dato' Mokhtar Dahari dan Piala Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor (RMS) yang bermula bulan ini.

Pengerusi jawatankuasa induk kejohanan berkata pertandingan diilhamkan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor membabitkan kategori bawah 18 tahun, 15 tahun serta 12 tahun untuk Piala RMS.

Menurut Dato' Emran Kadir, kejohanan itu diteruskan untuk pencarian bakat serta pelapis bola sepak pada peringkat akar umbi.

"Hasrat Tuanku supaya kejohanan ini lahirkan seramai mungkin bakat di Selangor, bukan sahaja untuk Selangor tetapi seluruh negara. Ada pihak yang datang melihat pemain untuk dipancing ke kelab masing-masing," katanya pada 29 Julai.

Taman kucing tarikan pelancong

SHAH ALAM - Tarikan pelancongan baharu merangkumi pelbagai segmen bakal merancakkan Tahun Melawat Selangor 2025 (TMS2025).

Menurut Tourism Selangor, produk agro pelancongan, taman tema baharu, zoo haiwan jinak dan tarikan disediakan pihak berkuasa tempatan (PBT) antara aktiviti menarik dan baharu untuk pelancong.

"Ia termasuk produk agropelancongan Sungai Panjang, Sabak Bernam dan produk di bawah GL Play by Gamuda Land seperti Gamuda Gardens, Gamuda Discovery Park, Skyline Luge dan Splash Mania," katanya baru-baru ini.

MENANG... Beregu wanita negara Pearly Tan dan Thinaah Muralitharan meraikan kejayaan mara ke suku akhir Sukan Olimpik menewaskan pasangan Indonesia Rahayu Apriyani dan Ramadhanti Siti Chapelle, Paris. Foto BERNAMA



Laporan Bank Dunia

Capai status negeri pendapatan tinggi

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

SHAH ALAM - Selangor muncul negeri baharu berpendapatan tinggi berdasarkan Laporan Bank Dunia, setakat Julai, kata pakar ekonomi Bank Dunia di Malaysia Dr Apurva Sanghi.

Negeri tersebut mencapai pendapatan negara kasar (GNI) USD14,291 (RM67,374), melepas parás GNI per kapita peringkat negeri iaitu USD14,005 (RM66,026).

Empat negeri yang melepas tahap sama ialah Kuala Lumpur, Pulau Pinang,

Sarawak dan Labuan melepas tahap berkenaan dengan wilayah ibu negara tertinggi iaitu USD29,967 (RM141,279).

Kiraan Bank Dunia Malaysia berdasarkan data Keluaran Dalam Negara Kasar 2023 setiap negeri yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Awal bulan ini, Dr Apurva dalam laman X menjangka Malaysia mencapai status berpendapatan tinggi menjelang 2030 jika kadar nilai tukaran mata wang ringgit kepada 1 USD kekal sekitar RM4.70.

Namun, beliau menambah keadaan tersebut tertakluk kepada purata per-

tumbuhan empat peratus dan kadar inflasi dalam lingkungan jangka panjang sekitar dua peratus.

Menurut data yang dilampir, Malaysia mencapai tahap pendapatan pertengahan atas sejak akhir akhir 1980-an tetapi belum mencapai peringkat ambang pendapatan tinggi.

GNI per kapita mengumpul jumlah keluaran penduduk sesbuah negara. Kekayaan negeri dibahagi bilangan penduduk, misalnya Selangor dihuni tujuh juta orang berbanding Sarawak kurang tiga juta penduduk.

Skuad badminton lepasi kumpulan

SHAH ALAM - Skuad badminton negara mempamer aksi cemerlang dalam Sukan Olimpik di Paris apabila layak ke suku akhir apabila melepas cabaran peringkat kumpulan bermula 27 Julai.

Pemenang gangsa Olimpik di Tokyo Aaron Chia-Soh Wooi Yik layak selepas muncul naib juara walau tewas kepada beregu China Liang Wei Keng-Wang Chang dalam aksi terakhir kumpulan A pada 30 Julai.

Beregu wanita Pearly Tan-M Thinaah menempah tiket ke peringkat sama selepas meraih tempat kedua kumpulan

A walau tunduk kepada juara dunia dari China Chen Qing Chen-Jia Yi Fan pada perlawanan pertama.

Pasangan ke-13 dunia itu menewaskan regu Indonesia dalam perlawanan terakhir 'kumpulan maut' dan bakal bertemu pemenang gangsa edisi lepas Kim So Yeong-Kong Hee Yong dari Korea Selatan.

Turut mara, beregu campuran Chen Tang Jie-Toh Ee Wei yang menujuarai kumpulan A dan bertemu pasangan kelapan dunia dari Korea Selatan, Kim Won Ho-Jeong Na Eun pada 1 Ogos dan

perseorangan utama Lee Zii Jia.

Cabarannya memburu emas pertama diteruskan skuad berbasikal yang memulakan acara pada 5 Ogos. Tumpuan terarah kepada jaguh trek negara Datuk Azizulhasni Awang dalam acara keirin selain Muhammad Shah Firdaus Sahrom dan Nurul Izzah Izzati Mohd Asri.

Nur Dhabitah Sabri pula akan beraksi dalam acara terjun tiga meter papan anjal, Mohamad Aniq Kasdan (angkat berat), Muhammad Azeem Fahmi (olahraga) diikuti dua pemain golf Gavin Kyle Green dan Ashley Lau Jen Wen.